

الطبيب النبوي

Panduan Menjadi Thobib dan Muallij

**THIBBUN  
NABAWI  
PERUBATAN  
WAHYU  
NABI**

الإمام محمد بن عبد الله بن محمد بن أبي بكر  
بن سعيد الجوزية  
١٢٩١ - ١٣٥١ هـ

تحقيق  
سيد احمد



Klinik Muallij Islamiah

<http://klinik-muallij.blogspot.com/>

oleh: Muallij Mustaqim bin Mohd Najib Al-Kelantani

Diterbitkan pada: 14 Dis 2010 (9 Muharram 1432)

Tajuk Thibbun Nabawi (Juga dieja Thibb An-Nabawiy) telah dibincangkan secara am di sini iaitu mengenai khasiat madu. Kali ini, ana akan cuba paparkan beberapa huraian sebagaimana yang terdapat dalam kitab tersebut yang terdiri lebih 67 tajuk besar. Ianya kesinambungan dari huraian Kitab Zaadul Maad dan Kitab Ad-Daa Wa Ad Dawaa oleh Muhammad bin Abi Bakr bin Ayyub bin Sa'd al-Zar'i bin Hariz az-Zar'i ad-Dimasyqi, atau dikenal dengan sebutan Ibnu Qoyyim Al-Jauziah.

Di dalam kitab ini merangkumi tajuk tentang rawatan penyakit fizikal (sebagai Thobib), bekam, sifat dan perbuatan nabi, rawatan penyakit hati dan rawatan penyakit akibat gangguan sihir dan jin (sebagai Muallij). Maka penggunaan thobibi haruslah selari dengan keupayaan kita merawat penyakit fizikal, manakala istilah Muallij haruslah selari dengan keupayaan kita merawat sihir. Ringkasnya:

- a. Seorang thobib tidak semestinya seorang muallij tetapi thobib boleh juga menyembuhkan sihir. Thobib mempunyai resipi petua bahan alamiah dan menggabungkan zikir dan doa.
- b. Seorang muallij tidak semestinya seorang thobib dan ianya mengkhususkan dirinya dengan perawat sihir. Muallij hanya menggunakan ayat quran dan doa untuk kesembuhan.
- c. Jika seorang itu boleh mengubati kedua-duanya tadi, maka ia harus mengisytiharkan dirinya dengan satu nama gelaran yang merujuk kepada keupayaan dan kepakarannya. Jika ia lebih pakar hal sihir, maka ia harus menggunakan gelaran muallij manakala jika ia pakar dengan rawatan penyakit fizikal, ia harus mengisytiharkan dirinya sebagai thobib. Ini selaras dengan hadist rasulullah yang hanya menggunakan khidmat thobib yang pakar sahaja ketika merawat diri dan sahabat akibat kecederaan perang mahupun penyakit.

## **BAB 1: PENDAHULUAN**

### **Pembahagian Penyakit**

- a. Penyakit hati (Dijelaskan lebih terperinci dalam Kitab Ad-Daa wa Ad-Dawaa' oleh Ibnu Qayyim)

- i. Penyakit syubhat disertai was-was

Dijelaskan dalam surah An-Nur ayat: 50

أَفِي قُلُوبِهِمْ مَرَضٌ أَمْ ارْتَابُوا أَمْ يَخَافُونَ أَنْ يَحِيفَ اللَّهُ عَلَيْهِمْ وَرَسُولُهُ بَلْ  
أُولَئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ

Apakah (ketidak datangan mereka itu kerana) dalam hati mereka ada penyakit, atau (karena) mereka ragu-ragu atautakah (kerana) takut kalau-kalau Allah dan rasul-Nya berlaku zalim kepada mereka? Sebenarnya, mereka itulah orang-orang yang zalim.

ii. Penyakit cinta disertai kesesatan

dijelaskan dalam firman Allah dalam surah al-Baqarah ayat 10:

فِي قُلُوبِهِمْ مَرَضٌ فَزَادَهُمُ اللَّهُ مَرَضًا وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ بِمَا كَانُوا يَكْذِبُونَ

Dalam hati mereka ada penyakit, lalu ditambah Allah penyakitnya; dan bagi mereka siksa yang pedih, disebabkan mereka berdusta.

b. Penyakit jasmani

Allah berfirman dalam surah An-Nur ayat 61:

لَيْسَ عَلَى الْأَعْمَى حَرْجٌ وَلَا عَلَى الْأَعْرَجِ حَرْجٌ

Tidak ada halangan bagi orang buta, tidak (pula) bagi orang pincang, tidak (pula) bagi orang sakit..

Allah menyebut tentang penyakit jasmani dalam ibadah haji, puasa, wudhu dan lain-lain lagi. Lantaran itu Allah dan rasulNya telah menetapkan perlunya:

a. Menjaga kesihatan

b. Menjaga tubuh dari unsur bahaya (racun, basi, tajam, bisa, binatang buas dsb)

c. Mengeluarkan zat bahaya dalam tubuh (darah, kencing, kentut, muntah, bersih, lapar, mengantuk, dahaga dsb).

d. Berpuasa

## **BAB 2: RAWATAN PENYAKIT JASMANI**

1. Peranan empat unsur memainkan peranan di dalam tubuh manusia iaitu tanah, api, air dan angin. Kompilasinya ialah panas, sejuk, lembab dan kering. Kemudian di ikuti panas dan lembap, panas dan kering, sejuk dan lembap, sejuk dan kering. Maka perubatan haruslah mempunyai kaitan antaranya.

2. Cara rawatannya:

a. Seperti yang diilhamkan (sunnatullah dan fitrah) seperti bila lapar, maka harus makan, bila haus harus minum, bila letih harus rehat, bila mengantuk harus tidur.

b. Memerlukan analisa dan diagnosa seperti tubuh tak stabil, suhu badan naik, sakit di bahagian tubuh dsb. Maka ianya dibahagikan lagi kepada dua jenis:

- i. Penyakit secara fizikal - penyakit semulajadi seperti selesema, demam, barah, jantung dsb
- ii. Penyakit konduktif - iaitu penyakit jangkitan atau penyakit wabak.

### **BAB 3: CARA RASULULLAH MENGUBATI DIRI SENDIRI**

1. Baginda tidak menggunakan ubat kimia sebagaimana yang dipelopori bangsa romawi dan yunani yang mana perubatan itu juga telah diaplikasikan oleh Ibnu Sina dalam thesisnya.
2. Bahaya ubat kimia (Eqrobadjin) ialah ketagihan atau kerosakan badan. Jika sembuh terlalu pantas, bermakna dosa kifarah hanya dapat terhapus sedikit atau belum sempat terhapus. Ini mengurangkan dekatnya diri kita pada Allah.
3. Rasulullah hanya memilih makanan khasiat tinggi di Tanah Hijaz berdasarkan wahyu dan ucapan jibril terus kepadanya. Orang bukan islam menafsirkan ianya ilmu perubatan fitrah semulajadi, sebagaimana haiwan mengubati dirinya contohnya kucing akan menjilat minyak pelita (zaitun) apabila ia terkena racun.
4. Perubatan Rasulullah bolehlah dikira sebagai pembinaan semula sel tubuh dengan bersandar dan bertawakal kepada Allah melalui zikir, doa, membaca al-quran, bersolat, berpuasa, bertaubat, berbuat baik sesama manusia, menolong sesama manusia dan bersedekah. Ternyata ia juga memberi 'penyembuhan' terhadap rohani lalu menguatkan pula badan sipesakit tadi.

### **BAB 4: SETIAP PENYAKIT ADA UBATNYA**

Terdapat banyak hadist mengenainya antaranya:

"Berubatlah wahai hamba-hamba Allah SWT, sesungguhnya Allah tidak menciptakan sesuatu penyakit kecuali menciptakan ubat baginya... diketahui oleh yang mengetahuinya dan tidak diketahui oleh yang tidak mengetahuinya." (Disahihkan oleh Ibnu Hibban dan Hakim)

"Setiap penyakit ada ubatnya, apabila ubat tepat mengenai penyakit, maka akan wujud kesembuhan dengan izin Allah SWT." (HR. Muslim)

"Sesungguhnya Allah SWT telah menciptakan ubat untuk setiap penyakit, maka berubatlah kamu, tetapi jangan berubat dengan sesuatu yang diharamkan." (HR. Abu Daud)

"Dari Abu Hurairah r.a katanya, Rasulullah S.A.W telah bersabda : 'Pada al-Habbah al-Sawda' terdapat ubat bagi segala penyakit, kecuali as-sam.'" Hadist ini diriwayatkan oleh Imam Ahmad,

Muslim, Bukhari dan Ibnu Majah. Dan hadis ini tercantum dalam himpunan hadist-hadist sahih nomor 857.

Juga beberapa firman Allah termasuklah:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ قَدْ جَاءَتْكُمْ مَوْعِظَةٌ مِنْ رَبِّكُمْ وَشِفَاءٌ لِمَا فِي الصُّدُورِ وَهُدًى  
وَرَحْمَةٌ لِلْمُؤْمِنِينَ

Hai manusia, sesungguhnya telah datang kepadamu pelajaran dari Tuhanmu dan penyembuh bagi penyakit-penyakit (yang berada) dalam dada dan petunjuk serta rahmat bagi orang-orang yang beriman. (Yunus:57)

فَاسْتَجَبْنَا لَهُ فَكَشَفْنَا مَا بِهِ مِنْ ضُرٍّ وَآتَيْنَاهُ أَهْلَهُ وَمِثْلَهُمْ مَعَهُمْ رَحْمَةً مِنْ  
عِنْدِنَا وَذِكْرَى لِلْعَابِدِينَ

Maka Kamipun memperkenankan seruannya itu, lalu Kami lenyapkan penyakit yang ada padanya dan Kami kembalikan keluarganya kepadanya, dan Kami lipat gandakan bilangan mereka, sebagai suatu rahmat dari sisi Kami dan untuk menjadi peringatan bagi semua yang menyembah Allah.(Al-Anbiya:84)

وَنُنَزِّلُ مِنَ الْقُرْآنِ مَا هُوَ شِفَاءٌ وَرَحْمَةٌ لِلْمُؤْمِنِينَ وَلَا يَزِيدُ الظَّالِمِينَ إِلَّا خَسَارًا

Dan Kami turunkan dari Al Qur'an suatu yang menjadi penawar dan rahmat bagi orang-orang yang beriman dan Al Qur'an itu tidaklah menambah kepada orang-orang yang zalim selain kerugian. (Al-Isra:82)

Wallahu alam bissawab.

Rujukan kitab Thibbun Nabawi (Ibnu Qayyim al-Jauziah), terjemahan oleh Muallij Mustaqim.

## **BAB 5: MENCEGAH MAKAN BERLEBIHAN**

Nabi saw telah melarang kita dalam soal makan dan minum secara berlebihan, dalam musnad yang diriwayatkan oleh Rasulullah saw ditakhrij oleh At-Tirmizi, Ibn majah dan Al-Hakim serta Ibn Hibban di mana At-Tirmizi berkata "hadist ini hasan":

"Tidak ada bejana yang lebih buruk yang dipenuhi oleh manusia melainkan perutnya sendiri. Cukuplah seseorang itu menggunakan beberapa suap makanan yang dapat menegakkan tulang

punggungnya. Jika terpaksa, maka ia boleh mengisi sepertiga perutnya dengan makanan, sepertiga lagi dengan minuman dan sepertiga lagi untuk bernafas."

Di dalam hadits ini Rasulullah saw memberikan petunjuk kepada kita agar jangan melampau dalam makan, sehingga tidak sesuai dengan keperluan, dan akan menyebabkan seseorang mudah terkena penyakit. Allah swt berfirman, ertinya, "...Makan dan minumlah, dan janganlah berlebih-lebihan. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang berlebih-lebihan." (al-A'raf: 31)

## **BAB 6: DUA JENIS PENYAKIT**

1. Terdapat dua pembahagian jenis iaitu:

a. Penyakit material

-Puncanya ialah dari makanan sama ada kerana lebih makan, makan benda yang tak sepatutnya, makan makanan yang sukar dihadam dan makan dari pelbagai jenis lauk.

-Makanan dipecahkan kepada tiga peringkat iaitu:

i. Tingkat diperlukan tubuh

ii. Tingkat memadai

iii. Tingkat membazir

- Dalam bab 5 ada dijelaskan tahap pengambilan makanan yang disyorkan nabi untuk manfaat tubuh. Mengambil makanan secara berlebihan akan membuat badan lemah, rosak hati, malas beribadah, syahwat tidak terkawal dan kelemahan otak.

-Dalam bab ini ada diterangkan manusia terdiri dari unsur tanah, air angin dan api dan makanan pula kategori api. Huraian ini ana singkatkan kerana ianya sangat panjang lebar. Cukuplah ana beri perumpamaannya letupan 'pop' yang mana makanan dibakar terlebih dahulu dan ujian dilakukan dengan menyalakan kayu uji berbara dalam balang makmal (dalam silibus sains Tingkatan 2 sekolah Malaysia).

b. Penyakit bukan material

-Penyakit bukan akibat makanan seperti wabak, luka, perubahan cuaca, penyakit berjangkit, penyakit keturunan, sihir dsb.

2. Tiga cara perubatan nabi:

a. Menggunakan ubat tradisional

b. Menggunakan ubat berdasarkan wahyu

c. Gabungan kedua ubatan tadi

3. Dalam konsep perubatan, nabi menunjukkan bahawa perlunya ada ketaqwaan, tawakal, usaha dan doa dalam merawat. Memperbaiki jasmani tanpa memperbaiki hati tidak ada guna sama sekali. Walaupun badan rosak, tetapi hati tetap ingat Allah maka bahayanya adalah kecil sekali kerana bahaya itu tidaklah memudaratkannya malah memberi manfaat dan kifarah. Mudah-mudah kita mendapat taufikNya.

Wallahu alam bissawab.

Rujukan kitab Thibbun Nabawi (Ibnu Qayyim al-Jauziah), terjemahan oleh Muallij Mustaqim.

## **BAB 7: BIMBINGAN RASULULLAH MERAWAT DEMAM**

1. Diriwayatkan dalam Sahih Bukhari dan Muslim, dari nafiâ', dari Ibnu Umar, bahawa Nabi saw berkata: "Sesungguhnya demam atau demam yang berat adalah sebahagian dari bahang neraka jahannam, maka dinginkanlah ia dengan air".

atau dalam hadist yang lainnya

2. Daripada Ibn Abbas r.a, Nabi s.a.w bersabda: Sesungguhnya demam adalah daripada percikan api neraka, kerana itu sejukkanlah badan yang demam itu dengan air, atau baginda dengan kata lain adalah air zam-zam.

3. Tafsiran di sini membawa dua maksud:

- a. Dari arah luar - mandi atau lap ke tubuh dengan air atau ais
- b. Dari dalam - minum air

4. Demam ada dua jenis:

- a. Demam simptomik - berlaku kerana pembengkakan, aktiviti berlebihan, panas matahari atau amarah.
- b. Demam penyakit, dan dibahagikan lagi kepada tiga:
  - i. Menjangkiti organ tubuh lalu menyebarkan demam
  - ii. Demam sehari - kerana aumumnya akan hilang dalam tempoh sehari atau paling lama 3 hari.
  - iii. Demam ufniyah, demam jenis ini dibahagikan 4 jenis lagi:
    - Demam kuning
    - Demam Hitam
    - Boutonnese
    - Demam berdarah

5. Daripada Jabir r.a katanya: Rasulullah s.a.w pernah menemui Ummu al-Sa'ib kerana melawatnya. Baginda bersabda: "Kenapa anda menggigil? Jawabnya: Demam dan tidak ada keberkatan daripada Allah padanya. Sabda baginda s.a.w: Jangan mencaci demam, kerana

sesungguhnya ia menghapuskan kesalahan anak Adam, sebagaimana mesin penghembus api menghapuskan karat-karat pada besi.

"Demam sehari boleh menghapuskan dosa setahun"

6. Panduan merawat demam oleh Nabi:

Daripada Anas bin Malik, Rasulullah s.a.w bersabda: "Apabila salah seorang daripada anda demam, hendaklah merenjiskan air sejuk ke atas tubuh badannya sebanyak tiga malam pada waktu fajar."

"Sesungguhnya demam adalah daripada percikan api neraka, kerana itu sejukkanlah badan yang demam itu dengan air, atau baginda dengan kata lain adalah air zam-zam."

"Demam adalah sebahagian daripada pakaian api neraka, maka sejukkanlah dengan air"

7. Daripada hadis Nafi' bin Jubir, katanya Rasulullah s.a.w bersabda: Apabila salah seorang daripada anda demam, sesungguhnya demam itu adalah sebahagian daripada api neraka, hendaklah memadamkannya dengan air sejuk. Hendaklah berendam dalam sungai yang mengalir, mengadap aliran air selepas solat subuh dan sebelum naik matahari dan hendaklah membaca Basmalah. Hendaklah berendam selama tiga kali selama 3 hari. Jika tak sembuh cubalah sebanyak 5x, 7x atau 9x. Sesungguhnya ia tidak akan melebihi daripada 9x InsyaAllah.

"Rasulullah apabila demam, baginda meminta diambilkan air lalu baginda jiruskan ke kepala baginda dahulu dan barulah mandi"

## **BAB 8: BIMBINGAN RASULULLAH MERAWAT SAKIT PERUT**

1. Seperti mana yang diterangkan dalam Al-Quran, Surah Al-Nahl ayat 68-69, maksudnya: "... dari perut lebah itu keluar minuman (madu) yang bermacam-macam warna. Di dalamnya terdapat ubat yang boleh menyembuhkan penyakit manusia".

2. Madu dapat digunakan untuk mengobati berbagai jenis penyakit dengan izin Allah Subhanahu wa Ta'ala. Di antaranya untuk mengobati sakit perut, seperti ditunjukkan dalam hadits berikut ini:

أَنَّ رَجُلًا أَتَى النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ: أَخِي يَشْتَكِي بَطْنَهُ. فَقَالَ: اسْقِهِ عَسَلًا. ثُمَّ أَتَاهُ الثَّانِيَةَ فَقَالَ: اسْقِهِ عَسَلًا. ثُمَّ أَتَاهُ الثَّالِثَةَ فَقَالَ: اسْقِهِ عَسَلًا.

ثُمَّ أَتَاهُ فَقَالَ: فَعَلْتُ. فَقَالَ: صَدَقَ اللَّهُ وَكَذَبَ بَطْنُ أَخِيكَ، اسْقِهِ عَسَلًا.  
فَسَقَاهُ فَبَرَأَ

“Ada seseorang menghadap Nabi saw, ia berkata: ‘Saudaraku mengeluhkan sakit pada perutnya.’ Nabi berkata: ‘Minumkan ia madu.’ Kemudian orang itu datang untuk kedua kalinya, Nabi berkata: ‘Minumkan ia madu.’ Orang itu datang lagi pada kali yang ketiga, Nabi tetap berkata: ‘Minumkan ia madu.’

Setelah itu, orang itu datang lagi dan menyatakan: ‘Aku telah melakukannya (namun belum sembuh juga malah bertambah sakit).’ Nabi bersabda: ‘Allah Maha Benar dan perut saudaramu itu dusta. Minumkan lagi madu.’ Orang itu meminumkannya lagi, maka saudaranya pun sembuh.” (HR. Al-Bukhari no. 5684 dan Muslim no. 5731)

## BAB 9: BIMBINGAN RASULULLAH MERAWAT TAUN

Sabda Rasulullah:

عَنْ عَامِرِ بْنِ سَعْدِ بْنِ أَبِي وَقَّاصٍ عَنْ أَبِيهِ أَنَّهُ سَمِعَهُ يُسْأَلُ أُسَامَةَ بْنَ زَيْدٍ  
مَاذَا سَمِعْتَ مِنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي الطَّاعُونِ فَقَالَ أُسَامَةُ  
قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الطَّاعُونُ رَجْسٌ أُرْسِلَ عَلَى طَائِفَةٍ مِنْ  
بَنِي إِسْرَائِيلَ أَوْ عَلَى مَنْ كَانَ قَبْلَكُمْ فَإِذَا سَمِعْتُمْ بِهِ بِأَرْضٍ فَلَا تَقْدَمُوا عَلَيْهِ  
وَإِذَا وَقَعَ بِأَرْضٍ وَأَنْتُمْ بِهَا فَلَا تَخْرُجُوا فِرَارًا مِنْهُ قَالَ أَبُو النَّضْرِ لَا يُخْرِجُكُمْ إِلَّا  
فِرَارًا مِنْهُ

Maksudnya: Dari Amir bin Saad bin Abi Waqqas, dari ayahnya bahawa ia pernah mendengar ayahnya bertanya kepada Usamah bin Zaid, “Apakah yang pernah engkau dengar dari Rasulullah s.a.w. berkenaan dengan penyakit taun? Usamah menjawab bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, "Taun adalah hukuman yang dikirimkan oleh Allah terhadap sebahagian kalangan Bani Israel dan juga orang-orang sebelum kamu. Jika kamu mendengar ada wabak taun di suatu negeri, janganlah kamu memasuki negeri tersebut, tetapi jika taun itu tersebar di negeri kamu, janganlah kamu keluar dari negeri kamu bagi mengelakkan penyakit itu". (Sahih al-Bukhari, Kitab al-Ahadiith al-Anbiya', Bab Hadith al-Ghar dalam Mausu'ah al-Hadith al-Syarif al-Kutub al-Sittah, Riyadh: Dar al-Salam lil Nasyr wa al-Tauzi', hlm. 264)

Taun merupakan sejenis wabak penyakit yang merbahaya sehinggakan 'Aisyah berkata "larilah kamu daripada penyakit ini sepertimana larinya kamu daripada tentera yang ramai". Di kalangan pakar perubatan, taun dikenali sebagai pembengkakan yang mematikan, menimbulkan radang yang amat parah dan sekitar organ yang diserang penyakit ini akan menjadi hitam, hijau dan bernanah. Ulama' telah berselisih pendapat terhadap perihal taun dan wabak yang dinyatakan di dalam hadith ini. Sebagaimana yang dijelaskan oleh al-Khalil dan Qadi Iyadh bahawa wabak adalah taun. Namun sebahagian ulama' seperti al-Dawudi dan Ibn al-Athir berpendapat bahawa wabak tidak sahaja diertikan dengan taun tetapi ia juga digunakan untuk semua jenis penyakit. Sebahagian yang lain menyimpulkan bahawa setiap jenis taun adalah wabak dan tidak semua wabak adalah taun. Maka bertepatan dengan sunnah yang disifatkan sebagai Jawami' al-Kalim, kaedah ini tidak dikhususkan hanya kepada penyakit taun semata-mata, malah ianya sesuai digunakan untuk setiap jenis wabak dan penyakit berjangkit.

Apabila Nabi s.a.w. melarang umatnya daripada masuk ke daerah di mana tersebar penyakit taun, dan melarang mereka keluar dari daerah berlakunya penyakit tersebut, baginda sebenarnya telah menggabungkan sistem pencegahan yang sempurna. Pemahaman mengenai petunjuk Rasulullah s.a.w. di dalam hadith ini bererti, masuk ke daerah wabak sama sahaja dengan menyerahkan diri kepada penyakit, membawa penyakit di rumahnya sendiri dan bermakna ia menolong membinasakan diri sendiri. Ini sangat bertentangan dengan bimbingan syariat dan disiplin logika. Firman Allah s.w.t.:

### وَلَا تَلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ

Maksudnya: Janganlah kamu mencampakkan diri kamu ke dalam kebinasaan. (Surah al-Baqarah: Ayat 195)

Adapun larangan Rasulullah s.a.w. kepada pesakit supaya tidak keluar dari tempat wabak boleh disimpulkan mengandungi dua maksud:

Pertama: Mendorong jiwa manusia supaya sentiasa mempercayai dan bertawakkal hanya kepada Allah s.w.t. serta sabar, tabah dan redha menghadapi qada' dan qadarNya. Mereka yang sabar ketika menghadapi penyakit ini dan menemui kematian akan diberi ganjaran seumpama syahid berdasarkan sabda baginda s.a.w.:

عَنْ حَفْصَةَ بِنْتِ سِيرِينَ قَالَتْ قَالَ لِي أَنَسُ بْنُ مَالِكٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ يَحْيَى بِمَ مَاتَ قُلْتُ مِنَ الطَّاعُونَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الطَّاعُونَ

شَهَادَةٌ لِكُلِّ مُسْلِمٍ

Muallij Islamiah

Maksudnya: Dari Hafsa binti Sirin berkata bahawa Anas bin Malik telah bertanya kepadaku tentang kematian Yahya. Lalu aku menjawab ia mati disebabkan penyakit taun. Anas kemudian berkata bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, "Taun (Wabak Penyakit) adalah mati syahid bagi setiap muslim". (Sahih al-Bukhari, Kitab al-Tib, Bab Ma Yuzkaru fi al-Taun, hlm. 490)

Sabda Baginda s.a.w. lagi:

عَنْ عَائِشَةَ زَوْجِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ  
أَنَّهَا أَخْبَرَتْنَا أَنَّهَا سَأَلَتْ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ الطَّاعُونِ فَأَخْبَرَهَا  
نَبِيُّ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ كَانَ عَذَابًا يَبْعَثُهُ اللَّهُ عَلَى مَنْ يَشَاءُ فَجَعَلَهُ  
اللَّهُ رَحْمَةً لِلْمُؤْمِنِينَ فَلَيْسَ مِنْ عَبْدٍ يَقَعُ الطَّاعُونُ فَيَمُوتُ فِي بَلَدِهِ صَابِرًا يَعْلَمُ  
أَنَّهُ لَنْ يُصِيبَهُ إِلَّا مَا كَتَبَ اللَّهُ لَهُ إِلَّا كَانَ لَهُ مِثْلُ أَجْرِ الشَّهِيدِ

Maksudnya: Dari 'Aisyah isteri Nabi s.a.w. telah memberitahu kepada kami bahawa ia bertanya kepada Rasulullah s.a.w. berkaitan taun. Maka Rasulullah s.a.w. bersabda bahawa itu adalah azab yang Allah turunkan kepada sesiapa yang Allah kehendaki. Allah akan jadikan penyakit itu sebagai rahmat kepada orang-orang beriman. Tidak ada sesiapa yang terkena taun dan duduk tetap di negerinya dalam keadaan sabar, mengharap ganjaran Allah dan yakin ia adalah hanya ketetapan ilahi melainkan Allah akan memberinya pahala syahid. (Sahih al-Bukhari, Kitab al-Tib, Bab Ajr al-Sabir fi al-Taun, hlm. 490)

Kedua: Sebagaimana yang telah dijelaskan oleh para pakar perubatan bahawa apabila seseorang ingin menyelamatkan diri dari wabak penyakit yang menyimpannya, maka ia perlu mengeluarkan lembapan berlebihan dari tubuhnya dan mengurangkan segala aktiviti selain senaman dan mandi kerana ia akan menyebabkan masalah lain yang mungkin akan timbul kepada pesakit. Justeru ketika diserang wabak, seseorang disarankan supaya banyak berehat dan mengurangkan aktiviti. Sedangkan untuk keluar dari tempat wabak memerlukan banyak tenaga dan itu amat berbahaya.

Wallahu alam bissawab.

Rujukan kitab Thibbun Nabawi (Ibnu Qayyim al-Jauziah), terjemahan oleh Muallij Mustaqim

## **BAB 10: BIMBINGAN RASULULLAH MERAWAT ISTISQA (ANGIN PASANG/BUSUNG)**

1. Penyakit istisqa adalah sejenis penyakit fizikal yang disebabkan oleh sejenis benda asing bertekstur dingin yang meresap ke dalam rongga-rongga organ tubuh sehingga menyebabkan pembengkakan. Penyakit istisqa memiliki beberapa bentuk bahagian

- a. Yang meyerang tubuh yang berdaging
- b. Paling berbahaya yang meyerang rongga tubuh dan penyakit
- c. Busung lapar - disebabkan oleh kekurangan gizi makanan, sementara penderita istisqa, perutnya buncit disebabkan benda asing bertekstur dingin masuk ke dalam tubuh.

2. Anas bin Malik ra berkata:

Anas berkata, "Ada beberapa orang Ukal dan Urainah (yang berjumlah lapan orang) yang datang (kepada Nabi Muhammad saw dan mereka membicarakan agama Islam), lalu mereka mengeluh mereka dijangkiti penyakit istisqa. Nabi Muhammad saw lalu menyuruh beberapa orang sahabatnya untuk menghantarkan kepada mereka yang datang itu beberapa ekor unta yang banyak air susunya (dalam satu riwayat: lalu beliau memberi kemurahan kepada mereka untuk mengambil unta zakat) agar dapat mereka minum air kencing serta air susunya. Setelah itu, mereka berangkat (maka mereka minum air kencing dan air susu unta itu), tetapi sesudah mereka merasa sihat tiba tiba mereka kafir kembali setelah memeluk Islam, dan membunuh penggembala yang di utus oleh Nabi Muhammad saw dan menghalau unta-unta itu. Beritanya sampai kepada Nabi Muhammad saw. Keesokan harinya, lalu Nabi mengirim beberapa orang untuk mengejar mereka. Ketika hari sudah petang, mereka tertangkap dan dihadapkan kepada Nabi saw. Beliau lalu menyuruh agar tangan dan kaki mereka dipotong, dan mata mereka ditusuk dengan besi panas (dalam satu riwayat: dan dicukil mata mereka), (dalam satu riwayat: beliau kemudian menyuruh membakar besi, kemudian dicelakkan pada mata mereka), [kemudian tidak memotong mereka]. Mereka lalu dilemparkan ke tempat yang panas. Ketika mereka minta minum, tak seorang pun memberinya. [Aku melihat seseorang dari mereka mengisap tanah dengan lidahnya (dalam satu riwayat: menggigit batu), [hingga mereka mati dalam keadaan seperti itu].\" (Sahih: Hadis dikeluarkan oleh Ahmad, al-Bukhari, Muslim, al-Tirmizi, al-Nasa'i, Ibn Majah dan lain-lain dengan lafaz yang sedikit berbeza-beza tetapi dengan pengajaran yang sama, iaitu disuruh minum susu dan air kencing unta sebagai ubat. Di atas adalah lafaz al-Bukhari, lihat Sahih al-Bukhari – no: 5686)

3. Penyakit istisqa pada umumnya terjadi disertai penyakit lever. Kebanyakan disebabkan oleh adanya penyumbatan pada beberapa organ tubuh kita. Jika tidak dirawat secara cepat, penyakit istisqa ini sangat berbahaya dan membawa maut. Ubat untuk penyakit ini ini sebenarnya berada di Timur Tengah. Ubatnya, iaitu hanya minum air susu dan kencing unta. Tetapi, bagi negeri yang sangat jauh dari Negeri Ka'bah itu, mencari air susu unta memang sangat susah, maka boleh digantikan dengan susu lembu atau kambing dengan syarat rendah proteinnya.

Didalam air susu unta terdapat banyak zat yang sangat berguna bagi penderita istisqa, iaitu yang dapat memperlancar metabolisme sesuai keperluan, menghadam sisa makanan dalam tubuh dan membuka penyumbatan. Sebab, kebanyakan makanan yang dimakan unta adalah rumput, qaishum, akar-akaran, babons, idzkir dan sejenisnya.

4. Menurut Imam Ar-Razi, "air susu unta Arab boleh membantu menyembuhkan penyakit lever atau kerosakan metabolisme."

Sedangkan kata Al-Israilliah, "susu unta Arab adalah susu yang paling rendah protein dan lebih banyak kandungan airnya, lebih sedikit unsur makanannya, sehingga lebih berfungsi membongkar sumbatan dan membersihkan perut serta menolak benda asing.

Untuk mengubati penyakit istisqa, sebaiknya susu itu masih dalam keadaan hangat (baru diperah).

5. Hadith minum kencing unta riwayat Anas merupakan hadith sahih (al-Bukhari 2855, Muslim 1671) yang mengisahkan terdapat beberapa orang yang datang ke Madinah dan mereka sakit, lalu Nabi menyuruh mereka minum susu dan kencing unta, dan akhirnya mereka pun sihat.

Kencing yang ada khasiat ialah kencing dari unta Badui yang dipanggil Najeeb. (Kitab Zaad al-Ma'aad, 4/47-48).

Ulama berbeza pendapat berkenaan dengan hukum kesucian air kencing unta. Bagi Mazhab Syafie, air kencing binatang yang halal di makan tetap najis, akan tetapi mereka mengharuskannya bagi tujuan perubatan.

Syeikh 'Izzuddin bin Abdussalam: "Harus berubat dengan najis apabila tidak ada ubat yang suci yang boleh menggantikannya, kerana maslahat kesihatan dan kesejahteraan itu lebih sempurna berbanding dengan maslahat menjauhi najis. Dan tidak harus berubat dengan arak mengikut pendapat yang lebih benar."

6. Walaubagaimana pun, Jumhur (kebanyakan) fuqaha' pula mengatakan bahawa air kencing binatang yang halal di makan adalah suci, termasuk unta.

7. Adapun persoalan tentang najisnya kencing unta, para ahli fiqh mengatakan bahawa berdasarkan hadis di atas, dibolehkan minum air kencing daripada binatang yang halal dimakan dagingnya. Ia tidak lagi dipandang sebagai najis. Dalam bab ini ada beberapa pendapat dan semuanya telah dikupas oleh al-Syaukani dalam Nail al-Authar Wallahu alam bissawab.

Rujukan kitab Thibbun Nabawi (Ibnu Qayyim al-Jauziah), terjemahan oleh Muallij Mustaqim.

## BAB 12 DAN 13: BIMBINGAN RASULULLAH TENTANG BEKAM

### 1. Pengertian Bekam

- a. Bekam (menurut bahasa)= menghisap
- b. Bekam (menurut istilah)= peristiwa penghisapan kulit, penyayatan dan mengeluarkan darahnya dari permukaan kulit, yang kemudian ditampung didalam gelas.
- c. Al-Hajjam=ahli bekam
- d. Al-Hijmu=menghisap/ menyedot
- e. Al-Mihjam/Al-Mihjamah=alat untuk membekam,yang berupa gelas untuk menampung darah yang dikeluarkan dari kulit, atau gelas untuk mengumpulkan darah hijamah
- f. Bekam atau Alhijamah (bahasa Arab) atau Blood Lefting (bahasa Inggris) ertinya pelepasan darah kotor. Suatu metode pembersihan darah dan angin dengan mengeluarkan sisa toksid dalam tubuh melalui permukaan kulit dengan cara menyedot menggunakan alat yang bersih dan higienis.
- g. Pengertian bekam dalam kitab-kitab arab adalah:  
“Bekam adalah mengeluarkan darah dari kulit dengan cara menghisap, kemudian penyayatan ringan pada permukaan kulit, kemudian dilakukan penghisapan lagi agar darah bisa keluar dan menimbulkan kesembuhan dengan izin Allah Ta’ala”

### 2. Ada berapa jenis pengobatan Nabi

- a. pengobatan dengan Al-Qur`an/Ruqyah/Doa
- b. Pengobatan dengan Bekam
- c. pengobatan dengan Madu/herba alami

### 3. Dasar syarak dari Hijamah (Bekam)

- a. HR Bukhari

الشِّفَاءُ فِي ثَلَاثَةٍ: شَرْبَةُ عَسَلٍ وَشَرْطَةُ مِحْجَمٍ وَكَيَّْةُ نَارٍ وَإِنِّي أَنَهَى أُمَّتِي عَنِ الْكَيِّ

“Kesembuhan itu berada pada tiga hal, iaitu minum madu, sayatan pisau bekam dan terapi besi bara (kay). Sesungguhnya aku melarang ummatku (berubat) dengan kay.”

- b. HR Bukhari – Muslim

Rasulullah saw bersabda :

إِنَّ أَمْثَلَ مَا تَدَاوَيْتُمْ بِهِ الْحِجَامَةُ وَالْفَصْدُ

“Sesungguhnya pengobatan yang paling ideal bagi kalian adalah hijamah (bekam) dan fashdu (venesection).”

c. Dari Jabir Almuqni berkata : "Aku tidak akan merasa sihat sehingga berbekam, kerana sesungguhnya aku pernah mendengar rasulullah saw bersabda: "Sesungguhnya pada bekam itu terdapat kesembuhan"

d. Dari Ibnu Umar, Rasulullah saw bersabda:

ما مرت ليلة أسري بي بملاء إلا قالوا: يا محمد مر أمتك بالحجامة.

"Tidaklah aku melalui satu dari langit-langit yang ada, melainkan para malaikat mengatakan: "Hai Muhammad, perintahkan umatmu untuk berbekam, kerana sebaik-baik sarana yang kalian pergunakan untuk berubat adalah bekam, al-kits, dan syuniz semacam tumbuh-tumbuhan". (HR Ibnu Majah)

e. Dari Annas bin Malik rasulullah saw bersabda: "Sesungguhnya pengubatan yang paling ideal yang kalian pergunakan adalah hijamah (Bekam)".

f. Dari Ibnu Abbas r.a, rasulullah saw bersabda: "Sebaik-baik hamba adalah jurubekam, ia membuang darah, meringankan tulang rusuk, dan menajamkan penglihatan".

g. Abu Ubaid menyebutkan dalam kitabnya Garibul Hadits melalui sanad Abdurrahman bin Abi Laila: "Rasulullah melakukan bekam pada kepalanya dengan tanduk ketika disihir orang".

h. Dari Salma, seorang pelayan rasulullah saw bercerita: "Tidak seorangpun mengadukan rasa sakit di kepalanya kepada rasulullah saw melainkan beliau mengatakan: "Berbekamlah".

i. Dari Imam At-Thabrani, bahwa Nabi Muhammad saw bersabda:

"Hendaklah kalian melakukan pengubatan dengan bekam ditengah tengkuk, kerana sesungguhnya hal ini merupakan ubat dari 72 penyakit"

j. 5 perkara kesukaan Nabi:

خمس من سنن المرسلين: الحياء والحلم والحجامة والسواك والتعطر.

Lima perkara termasuk dalam sunnah para rasul, iaitu; malu, pemaaf, berbekam, bersuci dan berwangi-wangian. (HR At-Thabrani dan Ibnu Jarir)

4. Imam asy-Syuyuthi menukil pendapat Ibnu Umar, bahawa berbekam dalam keadaan perut kosong itu adalah paling baik kerana dalam hal itu terdapat kesembuhan. Maka disarankan bagi yang hendak berbekam untuk tidak makan-makanan berat 2-3 jam sebelumnya.

5. Bekam dapat menyembuhkan lebih 100 penyakit melalui titik berikut:

- Titik Bekam Meridian
- Titik Bekam Dada
- Titik Bekam Perut
- Titik Bekam Punggung
- Titik Bekam Kepala
- Titik Bekam Nabi (Ummu Mughits, Hammahm, Yafukh, Naqroh, Qomahduwah, Akhda'ain, Kahil, Munkib, Dzuqn, Udzun, Tsadyu, Qithon Asfalas Shodr, Wirk, Maq'idah, Rukbah, Fakhd, Saaq, Rusygh, Zhohrul Qodam, Iltiwa' dan Binal Katifain)

7. Antara buku moden yang ana cadangkan ialah SEMBUH DENGAN SATU TITIK oleh Dr. Wadda' A. Umar terjemahan oleh al-Ustadz Abu Hazim Muhsin bin Muhammad Bashory kerana ianya tebal dan huraianya lebih jelas. Bahasa buku ini ialah bahasa Indonesia yang mudah difahami.

8. Mengapa Harus Berhijamah?

Teknik perubatan hijamah adalah suatu proses membuang darah kotor (toksid/racun) yang berbahaya dari dalam tubuh melalui bawah permukaan kulit. Toksid/toksin adalah endapan racun/zat kimia yang tidak boleh diurai oleh tubuh. Darah kotor adalah darah yang mengandung toksid/racun, atau darah statis yang menyumbat peredaran darah sehingga sistem peredaran darah tidak dapat berjalan lancar. Keadaan ini sedikit demi sedikit akan mengganggu kesihatan, baik fizikal mahupun mental. Akibatnya akan terasa lesu, murung, resah, linu, pusing, dan senantiasa merasa kurang sihat, cepat bosan, dan mudah naik pitam. Ditambah lagi dengan angin yang sulit dikeluarkan dari dalam tubuh, akibatnya tubuh akan mudah kena penyakit mulai dari yang akut seperti influenza sampai dengan penyakit degeneratif seperti stroke, darah tinggi, barah, kencing manis malah terhadap gangguan kejiwaan. Toksid dalam tubuh manusia dapat berasal dari:

- a. pencemaran udara
- b. makan siap saji (fast food) kerana mengandung zat kimia yang tidak baik untuk tubuh seperti pengawet, pewarna, essence, penyedap rasa, dan sebagainya
- c. hasil pertanian seperti pestisida (insektisida, fungisida, herbisida)
- d. kebiasaan buruk (bad habit) seperti merokok, makan tidak teratur/bersih, makan tidak seimbang, terlalu panas atau dingin, terlalu asam, dan lain-lain
- e. Ubat-ubatan kimia, kerana mempunyai efek merosakkan organ atau mikroba yang normal dalam tubuh.

## 9. Tempat/Titik Bekam

- a. Di bahagian atas kepala (ummu mughits), caranya dengan mencukur rambut pada bahagian yang akan dibekam. Bekam di kepala sangat efektif untuk terapi penakit migrain, vertigo, sakit kepala/maigrain, darah tinggi, stroke, suka mengantuk, sakit gigi, sakit mata, melancarkan peredaran darah, perbaikan sistem pertahanan tubuh, dan lain-lain.
- b. Di sekitar urat leher (al akhda'iin), titik ini untuk mengubati penyakit seperti: sakit kepala, wajah, kedua telinga, mata, hidung dan rahang, gigi seri lidah, barah darah, melancarkan peredaran darah.
- c. Di bawah kepala (An Naqrah), sekitar empat jari di bawah (tulang tengkorak paling bawah), bermanfaat menyembuhkan radang mata (pada anak-anak), tumor pada telinga, berat kepala, bintik-bintik di wajah, jerawat.
- d. Daerah antara dua bahu (al kaahil), merupakan titik paling tengah untuk mengatasi berbagai penyakit.
- e. Daerah sekitar pundak kiri dan kanan (Naa 'is), iaitu daging lembut di bahu yang tegang ketika merasa takut. Bekam pada titik ini dapat bermanfaat untuk menetralsir keracunan dan penyakit hati.
- f. Daerah punggung (di bawah tulang belikat), bekam di daerah ini banyak memiliki keistimewaan dan khasiatnya.
- g. Daerah punggung bahagian bawah dan tulang ekor untuk penyakit pegal/sakit di pinggang dan wasir.
- h. Pangkal telapak kaki (iltiwa' – di bawah mata kaki) untuk penyakit sakit di kaki, sakit urat, kaku, dan pegal-pegal.
- i. Di tempat-tempat yang dirasakan sakit.

Lebih detail, diterangkan sebagai berikut:


### 1. AL AKHDA' AIN :

- a) Terletak di sekitar otot-otot (urat leher) kanan dan kiri, di sekitar vena jugularis interna dan di sekitar otot sternocleidomastoideus.

- b) Merupakan pusat kegiatan dan penjalaran dari usus kecil dan besar.
- c) Berperan dalam perubatan gondok, afonia, leher, sakit kerongkong, demam, pipi bengkak, tinnitus, mencegah sakit kepala, sakit wajah, sakit gigi, sakit telinga, hidung, tonsil .

## 2. ILTIWA'

- a) Terletak di bawah mata kaki bahagian dalam (malleolus medialis), antara malleolus medialis dengan tulang tumit (calcaneus)
- b) Merupakan pusat penjalaran organ ginjal
- c) Berperan dalam perubatan tinnitus, hemoptisis, gangguan haid, insomnia, ejakulasi dini, tegang urat, ginjal, bronkietasis, sakit punggung, gangguan kencing dll.



## 3. AL KAHIL

- a) Terletak di sekitar tonjolan tulang leher belakang (processus spinosus vertebrae VII), antara bahu (acromion) kanan dan kiri, setinggi pundak.
- b) Merupakan titik pertemuan dan penjalaran organ kandung hempedu, perut, usus halus, usus besar, kandung kemih dan tripemanas.
- c) Berperan dalam perubatan sakit leher, demam, epilepsi, batuk, demam, asma, kaku punggung dll.
- d) Anas bin Malik berkata: " Rasulullah SAW. pernah dibekam di al akhda' ain dan al kahil" (HR. At Tirmidzi, Abu Dawud, Hakim dan Ahmad).

#### 4. HAMMAH ('Alaa Ro' sun)

- a) Merupakan titik paling atas kepala, terletak di tulang ubun-ubun (os parietale) bahagian depan, iaitu terletak di titik pertemuan antara batas rambut bahagian belakang dengan batas rambut bahagian depan.
- b) Berperan dalam perubatan sakit kepala, pusing, vertigo, mania, gangguan penglihatan, menghilangkan pengaruh sihir, stroke dll.

#### 5. YAFUKH

- a) Terletak di titik pertemuan tulang tengkorak depan dan belakang, iaitu antara tulang ubun-ubun (os parietale) dan tulang dahi (os frontale).
- b) Pada anak-anak, saat pembekaman tidak boleh dikeluarkan darahnya, kerana umumnya pertemuan antara kedua tulang tersebut belum menutup sempurna.
- c) Berperan dalam perubatan epilepsi, pening, sakit kepala, gangguan penglihatan, rinorhea, kejang dll.

#### 6. AL KATIFAIN

Kedua bahu. Berfaidah untuk mengubati penyakit di pundak dan penyakit leher. (Nabi SAW melakukan bekam pada kedua bahu saat diberi makanan lengan daging kambing yang diracun oleh orang Yahudi.

#### 7. 'ALA WARIK

Berguna untuk sakit pegal-pegal, lower back pain (Dari Jabir RA, bahawa Rasulullah SAW pernah melakukan bekam pada pinggulnya kerana sakit yang dideritanya (HR. An-Nasai, Ibnu Majah).

#### 8. QAMAHDUAH

- a) Terletak di tulang kepala belakang di sekitar tonjolan tulang
- b) Bahagian dimana kalau seseorang tidur terlentang maka qamahduah adalah bahagian kepala yang menempel di tanah.
- c) sakit kepala belakang, pening, tuli, kaku lidah, schizophrenia, epilepsi, leher kaku, pusing, vertigo dll.

#### 9. PELIPIS DAN DAGU

Berguna untuk mengubati pusing/pening pada kepala, mengubati sakit gigi dan sakit pada bahagian wajah, mengubati sakit kerongkongan/batuk. (Dari Ibnu Abbas berkata, Rasulullah SAW pernah melakukan bekam sebanyak 3 kali pada kedua pelipisnya.

#### 10. BAHAGIAN PUNGGUNG KAKI

Berguna untuk menghilangkan kutil yang tumbuh di kedua paha, betis, serta tulang kering. Menghentikan keluarnya darah haidh dan gatal-gatal pada buah testis (kantung kemaluan laki-laki) dan asam urat.

#### 11. DI BAWAH DADA DI ATAS PERUT

Berguna untuk menyembuhkan bisul-bisul, kurap/kudis dan panau yang ada di paha, menyembuhkan kaki yang sering sakit, mengubati wasir, mengubati penyakit kaki bengkak (elephantiasis), menghilangkan gatal-gatal pada bahagian punggung.

#### 12. 'ALA DZOHRI QODAMI

Terletak di bahagian kaki belakang di bawah lekukan lutut. Berguna untuk menghilangkan keletihan pada bahagian kaki.

#### 13. UMU MUGITS

- a) Terletak di tulang tengkorak di bahagian atas agak ke belakang. Tepatnya di tulang ubun-ubun, di 2/3 bahagian depan.
- b) Apabila kepala dan batas rambut bahagian belakang ke batas rambut bahagian depan dibagi menjadi 12 bahagian, maka umu mugits terletak di 7 bahagian dari garis batas rambut bahagian belakang dan 5 bahagian dari garis batas rambut bahagian depan.
- c) Hati-hati saat pembekaman kepala, sebab dekat dengan pusat sensorik dan motorik, yang menyebabkan kelumpuhan organ-organ dan alat-alat tubuh.

Wallahu alam bissawab.

Rujukan kitab Thibbun Nabawi (Ibnu Qayyim al-Jauziah), terjemahan oleh Muallij Mustaqim.

### **BAB 15: BIMBINGAN RASULULLAH MERAWAT AYAN/SAWAN**

1. Berikut ini pernyataan para mufassir berkenaan dgn firman Allah Subhanahu wa Ta'ala:

الَّذِينَ يَأْكُلُونَ الرِّبَا لَا يَقُومُونَ إِلَّا كَمَا يَقُومُ الَّذِي يَتَخَبَّطُهُ الشَّيْطَانُ مِنَ الْمَسِّ

“orang2 yg makan riba itu tidaklah berdiri melainkan seperti berdiri orang yg kerasukan setan lantaran penyakit gila.”

Di dlm kitab Ash-Shahih dari Nabi saw beliau bersabda:

Muallij Islamiah

## إِنَّ الشَّيْطَانَ يَجْرِي مِنْ ابْنِ آدَمَ مَجْرَى الدَّمِ

“Sesungguhnya setan itu dapat berjalan pada tubuh anak cucu Adam melalui aliran darah.”

Hadis muttafaqun alaih: Dari Ata bin Abi Ribah katanya: Berkata kepadaku Ibnu Abbas ra "Sukakah engkau aku beritahukan kepadamu seorang perempuan ahli syurga?". kata ku 'ya'. Katanya: "Itulah dia perempuan hitam yang telah datang berkata kepada Nabi Muhammad saw: "Sesungguhnya saya kena penyakit sawan babi dan saya minta dipulihkan, doakanlah saya kehadiran Allah SWT". jawab beliau: "Jika engkau mahu bersabarlah. dan untuk mu syurga, dan kalau tidak ku doakan kehadiran Allah SWT supaya penyakit engkau sembuh". Kata perempuan itu: " Saya memilih untuk bersabar". kemudian katanya lagi:"

Setiap kali saya terkena sawan babi selalunya aurat saya terdedah, maka doakanlah kepada Allah supaya aurat saya tidak terdedah lagi selepas ini". maka Rasulullah saw pun mendoakan baginya.

2. Sawan ialah penyakit yang diganggu oleh satu makhluk yang dinamakan ummu sibyaan. Hadis mengatakan bahawa teriakannya amat menakutkan penduduk bumi hinggakan apabila ia duduk pada lautan, lautan akan kering. Kalau ia duduk pada pokok, pokok akan mati. Kalau ia duduk pada padang ragut, padang ragut akan kering. Kalau ia duduk pada manusia (bayi), manusia akan sawan

3. Dari Mathar bin Abdur Rahman Al A'anaq telah menceritakan kepadanya Ummu Abban dari bapanya bahawa abangnya Az-Zari' pergi menemui Rasulullah S.A.W dengan membawa anaknya/anak saudara perempuannya yang sedang gila. Abangku berkata: “ Wahai Rasulullah, sesungguhnya aku membawa anakku/anak perempuanku yang sedang gila, aku bawa dia kepada mu agar engkau mendoakannya kepada Allah “. Nabi s.a.w bersabda “ Bawalah dia ke mari ‘.

Kemudian aku pergi mengambilnya lalu aku lepaskan ikatan dan aku tanggalkan pakaian musafir dan aku gantikan dengan dua pakaian yang baik dan aku pimpin tangannya ke hadapan Rasulullah. Lalu Baginda bersabda

“ Dekatkanlah kepadaku dan hadapkan punggungnya kepadaku “. Ia (abangku) berkata, kemudian Nabi S.A.W mengambil simpul-simpul kainnya dari atas dan bawahnya lalu memukul punggung hingga aku lihat putih kedua ketiakannya (yakni mengangkat tinggi) seraya berkata “ Keluarlah musuh Allah, keluarlah musuh Allah ” - Majma'uz Zawa'id

4. Orang yang mengubati cukup dengan ucapannya: keluarlah darinya, atau ia membaca (bismillah), atau membaca (laa haula wa laa quwwata illa billah), sedangkan Nabi membaca:

## أُخْرِجْ عَدُوَّ اللَّهِ، أَنَا رَسُولُ اللَّهِ

"Keluarlah, wahai musuh Allah, aku adalah Rasulullah." (hmad 4/171-172, ath-Thabrani dalam al-Kabir 22/264 (279), al-Hakim (2/617-618)(4232) dan ia berkata: Shahih Isnad dan disepakati oleh adz-Dzahabi. Lihat: Majma' az-Zawa'id 9/6.)

Aku menyaksikan guru kami Syeikh Ibnu Taimiyah mengutus seseorang kepada orang yang kerasukan yang berbicara kepada ruh yang ada di dalamnya dan ia berkata: 'Syeikh berpesan kepadamu: 'Keluarlah, sesungguhnya ini tidak halal bagimu.' Maka sedarlah orang yang kerasukan.

5. Baginda juga membaca dari surah al-mukminun ayat 115

## أَفَحَسِبْتُمْ أَنَّمَا خَلَقْنَاكُمْ عَبَثًا وَأَنَّكُمْ إِلَيْنَا لَا تُرْجَعُونَ

Maka apakah kamu mengira, bahwa sesungguhnya Kami menciptakan kamu secara main-main (saja), dan bahwa kamu tidak akan dikembalikan kepada Kami?

6. Baginda juga menggunakan ayat kursi, muawwizatain (Al-Falaq dan An-Nas)

Wallahu alam bissawab.

Rujukan kitab Thibbun Nabawi (Ibnu Qayyim al-Jauziah), terjemahan oleh Muallij Mustaqim.

### **BAB 20: BIMBINGAN RASULULLAH MERAWAT MIGRAIN/SAKIT KEPALA**

1. Hadis Riwayat Ibnu Majah menjelaskan bahawa apabila Nabi SAW sakit kepala, baginda mengoles kepalanya dengan daun inai dan berkata "Sesungguhnya daun inai itu bermanfaat untuk menyembuhkan penyakit kepala InsyaAllah."

2. Hadis riwayat Al-bukhari dalam tarikhnya dan oleh Abu Daud dalam As- Sunan bahawa Rasulullah S.A.W setiap kali ada orang yang datang menemui baginda menceritakan sakit di kepalanya, pasti baginda S.A.W bersabda, "berbekamlah!"

3. Antara sebab yang menyebabkan sakit kepala :

- a. Kerana demam, rasa sakit di seluruh kepala
- b. Panas pada pangkal hidung, rasa sakit pada bahagian hadapan dan biasanya terjadi pada pagi hari
- c. Pembengkakan pada bahagian otak kepala, rasa sakitnya didalam dan menusuk serta berpanjangan
- d. Cepat letih melihat, rasa sakit kepala di bahagian hadapan dan biasanya setelah banyak membaca
- e. Tekanan darah naik, rasa sakit kepala di bahagian belakang

- f. Perut besar masuk angin,yang terus ke urat kepala
  - g. Pembengkakan di perut besar,kepala sakit kerana adanya hubungan yang erat antara keduanya
  - h. Perut terlalu penuh di isi makanan
  - i. Selesai melakukan persetubuhan yang terlalu meletihkan sehingga suhu badan naik
  - j. Sesudah muntah kerana perut kosong
  - k. Udara yang panas
  - l. Menahan rasa mengantuk
  - m. Kepala tertekan,kerana mengangkat atau tertimpa sesuatu
  - n. Terlalu banyak bercakap,yang menyebabkan otak pada bahagian belakang kepala berasa letih
  - o. Terlalu banyak bergerak seperti senaman yang sangat meletihkan
  - p. Faktor kejiwaan seperti rasa takut berlebihan,terlalu sedih,berfikir yang jahat dan terlalu banyak cita-cita dan angan-angan
  - q. Terlalu lapar yang menyebabkan tidak adanya pembakaran dalam tubuh dan mengakibatkan otak menjadi lemah
  - r. Terjadi pembengkakan di sekitar otak
- dan lain-lain lagi

Wallahu alam bissawab.

Rujukan kitab Thibbun Nabawi (Ibnu Qayyim al-Jauziah), terjemahan oleh Muallij Mustaqim.

## **BAB 27: BIMBINGAN RASULULLAH MERAWAT LUKA BUAH PINGGANG MENYEBABKAN KEKEJANGAN**

Di dalam kitab Gharibul Hadis, Abu Ubaid menyebutkan menerusi hadis Abu Usman An-Nahdi bahawa ia mengkhabarkan, "Beberapa orang melalui sebuah pohon lalu memakan buahnya, tiba-tiba tubuh mereka seperti dihempas angin kejang-kejang. Kemudian nabi bersabda:"

"Sejukkan air dalam kantung kulit lalu siramkan kepada mereka di antara dua azan"

Maksud kantung kulit di sini ialah sejenis ghirbah. Manakala maksud dua azan di sini ialah waktu solat subuh antara azan dan iqamat.

Wallahu alam bissawab.

Rujukan kitab Thibbun Nabawi (Ibnu Qayyim al-Jauziah), terjemahan oleh Muallij Mustaqim.

## **BAB 28: BIMBINGAN RASULULLAH TENTANG MAKANAN DIHINGGAPI LALAT**

1. Antara hadith-hadith itu ialah hadith Abu Hurairah yg berbunyi, Rasulullah bersabda,

"Apabila lalat jatuh ke dalam bekas makanan atau minuman salah seorang daripada kamu, maka rendamlah ia(lalat) itu keseluruhannya, kemudian buanglah ia. Sesungguhnya pada salah satu sayapnya terdapat racun dan pada yg satu lagi terdapat penawar." (Riwayat Bukhari)

2. Hadith-hadith seperti ini juga diriwayatkan oleh imam-imam lain seperti Imam Ahmad, Abu Daud, An-Nasaie, Ibnu Majah, Ad-Darimi dan Al-Bazzar melalui sahabat-sahabat selain Abu Hurairah. Maka, kita mendapati hadith ini walaupun dengan sedikit perbezaan pada lafaz telah diriwayatkan oleh 7 orang imam hadith yg muktabar. Dan sanad kesemuanya sahih. Maka hadith ini berada pada tahap kesahihan yg agak tinggi dari segi sanadnya. Adapun dari segi matan, maka kajian saintifik telah membuktikan kesahihannya!

3. Perlu diketahui bahawa perintah di dalam hadith ini bukanlah untuk mewajibkan tetapi sebagai irsyad atau saranan. Dalam hadith Abu Hurairah riwayat Abi Daud & telah ditashihkan oleh Ibnu Hibban terdapat penambahan,

"Sesungguhnya ia melindungi dirinya dengan sayapnya yg mempunyai racun."

4. Ini kerana ia sebagai senjata baginya apabila berhadapan dengan perkara yg menyakitinya. Imam Ibnu Hajar dalam kitabnya, Fathul Bari berkata bahawa "Sebahagian ulama telah meneliti dan mendapati lalat melindungi dirinya dengan sayapnya yg kiri. Maka diketahui bahawa sayap kanannya yg mempunyai penawar. Dan kesesuaian dalam perkara itu jelas." Ini kerana kanan merupakan symbol bagi kebaikan, oleh sebab itulah Rasulullah suka bertayamun(menggunakan anggota kanan dan arah kanan untuk perkara kebaikan). Adapun kiri maka ia symbol kepada keburukan.

5. Lalat juga boleh disapukan (potong kepalanya) pada tempat sengatan kala jengking, luka dan bintat pada kulit.

Wallahu alam bissawab.

Rujukan kitab Thibbun Nabawi (Ibnu Qayyim al-Jauziah), terjemahan oleh Muallij Mustaqim.

## **BAB 29: BIMBINGAN RASULULLAH MERAWAT JERAWAT**

1. Ibn As-Sunni menyebut dalam bukunya riwayat daripada sebahagian isteri Nabi s.a.w yang menceritakan, "Rasulullah s.a.w pernah menemuiku, ketika itu di jariku tumbuh seperti jerawat. Baginda s.a.w bertanya, "Engkau mempunyai minyak wangi zarirah?". Aku menjawab, "ada". Baginda berkata, "Bubuhkanlah pada jerawatmu itu lalu ucapkanlah doa:

اَللّٰهُمَّ مُصَغِّرَ الْكَبِيْرِ وَمُكَبِّرَ الصَّغِيْرِ صَغِّرْ مَا بِيْ

Ertinya: Allah Yang Mengecilkan Yang Besar dan Yang Membesarkan Yang Kecil, kecilkanlah jerawatku ini. (Dikeluarkan oleh al-Hakim dan beliau berkata "Sanadnya sahih namun ia tidak dikeluarkan oleh al-Bukhari dan Muslim dan dikuatkan oleh az-Zahabi)

2. Zarirah sendiri sebenarnya adalah ubat India (berbentuk wangian) dibuat dari sari batang pokok zarirah. Sifatnya panas dan kering, berguna bagi mengatasi radang perut, lever dan kekurangan cecair tubuh bahkan juga dapat menguatkan jantung. Dalam Sahih al-Bukhari dan Muslim diriwayatkan daripada Aisyah r.a. bahawa dia menceritakan,

"Aku menyapu minyak wangi kepada Rasulullah, sementara aku memegang minyak wangi zarirah, iaitu pada Hajjatul Wada' untuk melakukan tahallul dan ihram"

3. Jerawat atau dalam bahasa Arabnya batsrah adalah sejenis benjolan kecil terdiri daripada zat panas dan tumbuh secara semulajadi atau alamiah. Biasanya menghingapi suatu bahagian tubuh, ia perlu ditunggu agar agak matang, baru dipecahkan untuk dikeluarkan isinya. Zarirah pula mengandungi khasiat untuk melakukan proses itu. Ia dapat mematangkan dan mengeluarkan isi jerawat, selain juga memberikan bau wangi. Ubat ini dapat mendinginkan panas jerawat. Oleh sebab itu penulis al-Qanun (Zad al-Ma'ad ms 100) ada menyatakan,

"Tidak ada ubat yang saya rasa lebih baik untuk meredam panas daripada zarirah yang dicampur dengan air mawar dan cuka"

Wallahu alam bissawab.

Rujukan kitab Thibbun Nabawi (Ibnu Qayyim al-Jauziah), terjemahan oleh Muallij Mustaqim.

### **BAB 30: BIMBINGAN RASULULLAH MERAWAT BISUL/TUMOR**

1. Menurut sebuah riwayat, Ali ra pernah berkata, "aku bersama Rasulullah pergi bersama seorang lelaki untuk menjenguknya kerana punggungnya bengkak. Kami bertanya, wahai rasulullah bengkaknya bernanah." Baginda bersabda:

بُطُّوا عَنْهُ

"Bedah sahaja bahagian bengkak itu"

2. Pembedahan itu ada dua kepentingan:

- a. Mengeluarkan zat bahaya.
- b. Mencegah terkumpulnya zat bahaya yang boleh menyebabkan bertambah sakit.

3. Kaedahnya ialah dengan memotong kawasan bengkak dan memicit hingga keluar semua nanah dan biji bisul. Pemicitan hinggalah keluar darah dan bukan lagi nanah.

4. Abu hurairah pernah menceritakan bahawa Nabi pernah menyuruh tabib untuk membedah busung seseorang, ada yang bertanya, "Adakah perlu lakukan ini?" Baginda bersabda:

"Yang menurunkan penyakit tentu menurunkan ubat dan penawarnya juga sesuai dengan kehendakNya".

Maksud dari pembedahan ini ialah proses mengeluarkan cecair dari busung perut itu. Rawatan penyakit busung ada dibincangkan dalam bab 10.

Wallahu alam bissawab.

Rujukan kitab Thibbun Nabawi (Ibnu Qayyim al-Jauziah), terjemahan oleh Muallij Mustaqim.

### **BAB 35: BIMBINGAN RASULULLAH MERAWAT SIHIR**

1. Sihir adalah kekuatan ghaib yang diciptakan ALLAH untuk makhlukNya, di mana kekuatan ghaibnya berupa kekuatan pengaruh roh-roh jahat (jin atau syaitan), dan dapat berpengaruh pada unsur alam. Seperti diceritakan dalam Asbabun Nuzul surat Al Falaq dan An Nas iaitu ketika Nabi SAW sakit seolah mendatangi istri-istrinya ternyata tidak, dan ternyata setelah diberitahu oleh Malaikat, sihirnya ada pada sebuah sumur dan berupa tali yang disimpul-simpulkan. 'Aisyah ra. berkata, "Rasulullah SAW pernah disihir sehingga beliau sungguh berkhayal bahawa dirinya mendatangi isteri-isterinya padahal beliau tidak mendatangi isteri-isteri beliau." (HR. Bukhori dan Muslim, Abu Daud dan Ahmad)

2. Al-Qadhi bin Iyadh menjelaskan, sihir ialah suatu penyakit dan boleh sahaja terkena pada Nabi dan ianya tidak mencacatkan atau mengurangi nilai kenabian. Ini sendiri turut dijelaskan Allah ketika Musa berhadapan dengan tukang sihir firau.

3. Kaedah Nabi saw merawat sihir dibahagikan kepada tiga:

a. Mencari dan menghapuskan barang sihir - dengan berdoa kepada Allah lalu Allah memberi petunjuk melalui mimpinya. Ketika mengeluarkan semua barang sihir itu, Nabi merasakan masalahnya beransur pulih.

Ibnu qayyim berkata; "mengeluarkan barangan sihir dan menghapuskannya adalah paling berkesan dalam perubatan sihir seperti yang telah soheh daripada Nabi bahawa baginda meminta kepada Allah supaya diperlihatkan tempat sihir itu, maka dikeluarkan daripada perigi itu sikat, rambut dan tangkai kurma jantan. Maka tatkala dikeluarkan, hilanglah apa yang menimpa Nabi hingga seolah-olah cergas daripada ikatan." Zaddul ma'ad 3/104.

b. Mengeluarkan zat - membersihkan endapan sihir untuk mengeluarkan zat busuk. Di dalam gharibul hadist, Abu Ubaid menyebut dengan sanad yang hasan dari Abdurrahman bin Abi Laila,

Nabi pernah berbekam di bahagian kepalanya dengan tanduk ketika baginda diserang Thubb. Maksud thubb di sini ialah sihir. Dijelaskan lagi 6 huraian kaedah mengeluarkan zat antaranya:

i. Mandi dengan air yang telah dibacakan ayat-ayat al-Quran. Air itu juga boleh diminum sedikit dengan niat penawar. Dibacakan pada air itu surah Yunus ayat 79-82, surah A'raf ayat 118-122 dan surah Toha ayat 65-69. Kaedah mandi adalah seperti merawat demam panas, "Rasulullah apabila demam, baginda meminta diambilkkan air lalu baginda jiruskan ke kepala baginda terlebih dahulu dan barulah mandi"

ii. Bersarapan pagi dengan memakan 7 biji tamar ajwah. Kelebihan ajwah ini telah disebutkan oleh Nabi dalam hadis soheh Muttafaq Alih. Sebahagian ulama mengumumkan hadis itu kepada semua tamar yang tumbuh di bumi haram Madinah. Lihat bin Bazz dalam kitabnya (Fathul Haq al-Mubin Fi l'laj as-Sori' Was Sihri Wal Aini m/s 178).

iii. Menggunakan daun sidir (bidara) yang diletakkan didalam air sebagai mandian atau minuman. Al-hafiz Ibnu Hjar berkata; "Ibnu Batthol menyatakan bahawa dalam kitab Wahab bin Munabbih disebut, hendaklah mengambil 7 helai daripada daun sidir kemudian dilumatkan dengan 2 batu lalu dimasukkan ke dalam air, dibacakan ayat al-kursi dan surah-surah Qul (al-Jin, al-Kafirun, al-Ikhlash, al-Falaq dan an-Nas) kemudian diminum beberapa teguk kemudian pesakit mandi dengan air itu, sesungguhnya akan hilanglah semua penyakit sihirnya insyaallah" Fathul bari 10/233. Ini adalah bagus khususnya bagi lelaki yang terkena sihir ikat (tidak mampu mendatangi isterinya).

iv. Berbekam. Ulama menyatakan bahawa berbekam adalah diantara cara yang berkesan dan Berjaya dalam mengubati sihir dengan melakukannya pada tempat yang dirasakan sakit. Ibnu Qayyim menyebut; "Dan menggunakan bekam pada tempat yang dirasai termudharat dengan sebab sihir adalah diatara perubatan yang paling bermanfaat jika digunakan dengan undang-undang yang sepatutnya" Zaddul Ma'ad 4/125.

v. Mengeluarkan / memuntahkan sesuatu.

Ia juga merupakan bentuk perubatan yang baik dan bermanfaat dalam perubatan sihir khususnya jika benda sihir itu berada didalam perut. Iaitu yang berbentuk makanan yang telah termakan. Carilah kaedah yang sewajarnya bagi memuntahkan sesuatu yang berada di dalam perut dan menyakitkan itu. (Ibnu Qayyim dalam kitabnya Tibbun Nabawi).

v. Menyapukan minyak zaitun atau habbatus sauda.

Minyak itu disapukan setelah dibacakan beberapa ayat-ayat suci al-Quran dan jampi yang syarak. Semoga dengan kaedah-kaedah yang dijelaskan ini akan membantu mereka yang

teraniaya ini untuk segera sembuh. Mengelakkan mereka yang sedang diuji Allah ini daripada melakukan tindakan-tindakan yang diharamkan syarak. Mari kita sama-sama mendoakan kesembuhan kepada semua para mukminin dan mukminat yang sedang menanggung sakit.

c. Bacaan zikir, ayat dan doa - menentang dan mengurangkan pengaruh sihir dengan doa, wirid serta bacaan al-Quran adalah senjata yang paling ampuh. Dengan menerapkan nilai ketaqwaan, perlindungan dan tawakal kepada Allah, badan manusia akan mampu meningkatkan penentangan secara semulajadi melawan sihir. Ini kerana sihir hanya bekerja sepenuhnya terhadap hati yang lemah, bersyahwat, marah dan ianya juga begitu mudah terkena kepada wanita (haid) dan kanak-kanak kerana faktor agamanya yang kurang.

مَا رَأَيْتُ مِنْ نَاقِصَاتٍ عَقْلٍ وَدِينٍ أَذْهَبَ لِلْبَّ الرَّجُلِ الْحَازِمِ مِنْ إِحْدَاكُنَّ

“Tidaklah aku melihat orang yang kurang akal dan agamanya lebih membuaikan kalbu lelaki yang teguh dari pada salah satu dari kalian (para wanita).”

4. Ibnu Qayyim berkata bahawa menyingkirkan sihir dari orang yang terkena sihir itu ada dua macam. Pertama, menyingkirkan sihir dengan perbuatan sihir, cara ini termasuk perbuatan syaitan. Kedua, menyingkirkan sihir dengan membaca ayat-ayat al Quran, doa-doa atau zikir-zikir yang seperti ini dibolehkan. Dengan demikian pengubatan sihir yang dibolehkan adalah pengubatan dengan menggunakan ayat-ayat Al Quran, doa-doa, zikir dan sebagainya yang disyariatkan oleh agama. Rasulullah SAW bersabda maksudnya: "Pengubatan sihir (dengan menggunakan sihir) itu adalah dari perbuatan syaitan". (Ahmad dan Abu Daud)

5. Ayat-ayat Ruqyah berasaskan hadis Nabi

لَا بَأْسَ بِالرُّقَى مَا لَمْ تَكُنْ شِرْكًَا

“Tidak mengapa dengan ruqyah selama tidak mengandung kesyirikan”. Hadis Riwayat Muslim.

Ruqyah dibahagiakan kepada tiga iaitu:

a. Menggunakan ayat al-quran. Nabi Muhammad s.a.w. telah menyebut secara terperinci bahawa sihir itu boleh diubati dengan membaca enam ayat pertama surah Al-Baqarah, tiga ayat daripada surah Al-Baqarah iaitu ayat 255, 256 dan 257 dan tiga ayat terakhir daripada surah tersebut.

b. Menggunakan doa, contohnya doa dari hadist:

بِسْمِ اللَّهِ، رَبِّ النَّاسِ ! أَذْهِبِ الْبَأْسَ، وَاشْفِ أَنْتَ الشَّافِي، لَا شِفَاءَ إِلَّا شِفَاؤُكَ،  
شِفَاءَ لَا يُغَادِرُ سَقَمًا

“Dengan nama Allah, Rabb sekalian manusia, hilangkanlah petakanya dan sembuhkanlah dia. Engkaulah yang Maha Penyembuh, tidak ada yang menyembuhkan kecuali Engkau, sebuah penyembuhan yang tidak menimbulkan penyakit”

c. Menggunakan bahasa yang difahami yang tidak ada unsur syirik. Nabi sendiri pernah menggunakannya iaitu:

أُخْرِجْ عَدُوَّ اللَّهِ، أَنَا رَسُولُ اللَّهِ

"Keluarlah, wahai musuh Allah, aku adalah Rasulullah." (hmad 4/171-172, ath-Thabrani dalam al-Kabir 22/264 (279), al-Hakim (2/617-618)(4232) dan ia berkata: Sahih Isnad dan disepakati oleh adz-Dzahabi. Lihat: Majma' az-Zawa'id 9/6.)

عن عوف بن مالك قال : كنا ترقى في الجاهلية , فقلنا يا رسول الله : كيف ترقى في ذلك ؟ فقال : اعرضوا على رقاكم لا بأس بالرقى ما لم يكن فيه شرك

Maksudnya: “Dari ‘Auf Ibn Malik, katanya: Dahulu kamu melakukan jampi di zaman jahiliyah, lalu kami bertanya: Wahai Rasulullah! Bagaimana pendapat tuan dalam hal ini? Beliau bersabda: Perlihatkanlah kepadaku jampi-jampimu itu. Tidak mengapa melakukan jampi-jampi itu selama tidak mengandung hal-hal syirik. (HR Muslim)

#### 6. Tangkal (Tamimah)

عن ابن مسعود رضي الله عنه قال رسول الله صلى الله عليه وسلم : ان الرقي

والتمايم والتولة شرك

Ibnu Mas'ud r.a. menuturkan: aku telah mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda: "Sesungguhnya Ruqyah, Tamimah dan Tiwalah adalah syirik." (HR. Ahmad dan Abu Dawud)

a. Tamimah adalah sesuatu yang dikalungkan di leher anak-anak untuk menangkal dan menolak penyakit "ain. Jika yang dikalungkan itu berasal dari ayat-ayat Al-Quran, sebahagian ulama salaf memberikan keringanan dalam hal ini; dan sebahagian yang lain tidak memperbolehkan dan melarangnya, diantaranya Ibnu Mas'ud r.a.

Terdapat dalam hadis lain Nabi saw. menyebut (mafhumnya): “Sesiapa yang mengikat simpulan benang lalu meniup kepada benang itu dan dipakai, maka dia telah syirik kepada Allah SWT.”

b. Ruqyah sebagaimana yang telah dijelaskan tadi di no.5.

c. Tiwalah (Ilmu Pengasih) adalah sesuatu yang dibuat dengan anggapan bahawa hal tersebut dapat menjadikan seorang isteri mencintai suaminya, atau seorang suami mencintai isterinya.

Wallahu alam bissawab.

Rujukan kitab Thibbun Nabawi (Ibnu Qayyim al-Jauziah), terjemahan oleh Muallij Mustaqim.

#### **BAB 42: BIMBINGAN RASULULLAH MERAWAT AIN**

1. Rasulullah SAW pernah mengesahkan tentang al-ain di dalam beberapa hadis antaranya :

a. "Mintalah pertolongan kepada Allah daripada Al-Ain (mata jahat) kerana ia adalah benar". (Riwayat daripada Aisyah)

b. "Al-Ain adalah benar, jika ada sesuatu yang mendahului qadar, ia akan didahului oleh al-ain. Apabila diminta bagi mandi, maka mandilah". (Riwayat Muslim).

c. "Penyakit 'ain itu benar2 wujud" (Hadis riwayat sahih bukhari dan muslim)

d. At-Tirmizi menjelaskan, "Pesakit 'ain (iaitu yang melakukan 'ain atau sejenis hipnotis) diperintahkan agar mandi dengan menggunakan air di dalam baldi. Lalu meletakkan tapak tangannya di mulut dan berkumur2, lalu disemburkan ke dalam baldi tersebut. Setelah itu baru membasuh wajahnya dengan air di dalam baldi, lalu memasukkan tangan kirinya.....

e. Penyakit 'ain itu sendiri ada dua jenis, iaitu 'ain insi (ain berunsur manusia) dan 'ain jinni (ain berunsur jin. Diriwayatkan dengan sahih daripada Ummu Salamah bahawa Nabi Muhammad pernah melihat seorang hamba sahaya wanita di rumah yang wajahnya dilihat kusut. Baginda berkata, "Ruqyah, wanita itu terkena 'ain"

f. Diriwayatkan daripada Jabir secara marfu; "Sesungguhnya 'ain itu dapat menghantarkan seseorang ke dalam kubur dan menghantarkan seekor unta ke dalam periuk"

g. Sebahagian golongan yang cetek ilmunya, kurang wawasan dan intelektualnya menolak adanya 'ain. Mereka menyatakan "itu hanyalah imaginasi, bukan realiti"

2. Kisah yang diceritakan oleh Abu Abdillah At Tahiyahi: Bahawasanya pada suatu masa ia melakukan perjalanan untuk menunaikan haji dengan menunggang unta. Dalam rombongan khafilahnya terdapat seseorang yang mempunyai pandangan ain (evil-eye), apa saja yg dipandangnya tentu mendapat bencana, sehingga orang2 memperingatkan Abu Abdillah agar berhati menjaga kudanya dari org tersebut. Tetapi dijawab Abu Abdillah org itu tidak dapat berbuat apa-apa atas untaku. Percakapan Abu Abdillah ini sampai ke telinga org tersebut, lalu ia mencari kesempatan ketika Abu Abdillah pergi. Kemudian dia mendekati unta tersebut dan dipandangnya, maka jatuhlah unta itu sambil menggelepar. Abu Abdillah datang, ia diberitahu akan peristiwa yg menimpa untanya itu, maka ia berkata: Tunjukkanlah aku orangnya! Lantas ditunjukkan orang itu kepadanya, kemudian Abu Abdillah berkata:

بِسْمِ اللَّهِ ، حَبَسَ حَابِسٌ ، وَحَجَرَ يَابِسٌ ، وَشَهَابَ قَابِسٌ ، رَدَدْتُ عَيْنَ الْعَائِنِ عَلَيْهِ ،  
وَعَلَى أَحَبِّ النَّاسِ إِلَيْهِ ، فَارْجِعِ الْبَصَرَ هَلْ تَرَى مِنْ فُطُورٍ ، ثُمَّ ارْجِعِ الْبَصَرَ كَرَّتَيْنِ  
يَنْقَلِبُ إِلَيْكَ الْبَصَرُ خَاسِئًا وَهُوَ حَسِيرٌ  
فَخُرَجْتَ حَدَقَتَا الْعَائِنِ ، وَقَامَتِ النَّاقَةُ لَا بَأْسَ بِهَا

"Dengan nama Allah, yang tertahan akan tertahan, batu-batu tetap sahaja mengering, binatang berekor tetap sahaja bersinar, aku kembalikan pandangan mata jahat ini kepada orangnya dan kepada org yg dicintainya, maka lihatlah ulang-ulang adakah kamu lihat sesuatu yg tidak seimbang? Kemudian pandanglah sekali lagi, nescaya penglihatanmu akan kembali kepadamu dengan tidak menemukan sesuatu cacat dan penglihatanmu itu pun dalam keadaan sukar..

Tiba tiba keluarlah kedua biji mata orang itu, dan unta itu pun kembali tegak tanpa kurang suatu apa pun.

### 3. Tanda-Tanda Terkena 'Ain

Tanda-tanda anak yang terkena 'ain di antaranya adalah menangis secara tidak wajar (bukan kerana lapar, sakit ), kejang-kejang tanpa sebab yang jelas, tidak mahu menyusu pada ibunya tanpa sebab, atau keadaan tubuh si anak kurus kering dan tanda-tanda yang tidak wajar lainnya.

Sebagaimana dalam hadis dari Amrah dari 'Aisyah r.a., ia berkata, "Pada suatu ketika Nabi s.a.w. masuk rumah. Tiba-tiba beliau mendengar anak kecil menangis, lalu beliau berkata, "Kenapa anak kecilmu ini menangis? Tidakkah kamu mencari orang yang boleh mengubati dia daripada penyakit 'ain?" -(HR. Ahmad, Baqi Musnadil Anshar. 33304).

Begitu pula hadis Jabir r.a. bahawa Rasulullah s.a.w. berkata kepada Asma' binti Umais, "Mengapa aku lihat badan anak-anak saudaraku ini kurus kering? Apakah mereka kelaparan?" Asma menjawab, "Tidak, akan tetapi mereka tertimpa 'ain". Beliau berkata, "Kalau begitu bacakan ruqyah bagi mereka!" (HR. Muslim, Ahmad dan Baihaqi)

### 4. Memulihkan Orang yang diserang Al-Ain Ada beberapa kaedah antaranya:

بِسْمِ اللَّهِ أَرْقِيكَ، مِنْ كُلِّ شَيْءٍ يُؤْذِيكَ، مِنْ شَرِّ كُلِّ نَفْسٍ أَوْ عَيْنٍ حَاسِدٍ، اللَّهُ  
يَشْفِيكَ، بِسْمِ اللَّهِ أَرْقِيكَ

#### 5. Penyakit Ain, Penyakit Akibat Mata

Penyakit kerana pandangan mata ini adalah penyakit yang sukar dijelaskan oleh dunia perubatan moden. Maka itu, sekiranya terdapat tanda-tanda seperti terkena 'ain, pesakit digalakkan mendapatkan rawatan ruqyah daripada 'ain serta tidak mengabaikan perubatan moden. Apabila seseorang kagum melihat kecantikan sesuatu dan memuji2 kecantikannya, kemudian tidak mengucapkan 'masya-Allah', maka benda yang dilihat itu akan rosak/musnah/hancur. atau apabila seseorg lelaki melihat kecantikan seseorang wanita, dan menjadi asyik kpdnya, kemudian tidak mengatakan masyaAllah, kemungkinan perempuan itu akan jatuh sakit atau mati. benarkah adanya penyakit ini? tidakkah kepercayaan ini berunsur syirik? kalau benar adanya penyakit ini, bagaimana nak ubati mangsa penyakit ain spt wanita di atas? apa punca berlakunya penyakit ain?

#### 6. Kisah Ain

Kisah yang diceritakan oleh Abu Abdillah At Tahiyahi: Bahawasanya pada suatu masa ia melakukan perjalanan untuk menunai haji dengan menunggang unta. Dalam rombongan khafilahnya terdapat seseorang yang mempunyai pandangan ain (evil-eye), apa saja yg dipandangnya tentu mendapat bencana, sehingga orang2 memperingatkan Abu Abdillah agar berhati menjaga kudanya dari org tersebut. Tetapi dijawab Abu Abdillah org itu tidak dapat berbuat apa-apa atas untaku. Percakapan Abu Abdillah ini sampai ke telinga org tersebut, lalu ia mencari kesempatan ketika Abu Abdillah pergi. Kemudian dia mendekati unta tersebut dan dipandangnya, maka jatuhlah unta itu sambil menggelepar. Abu Abdillah datang, ia diberitahu akan peristiwa yg menimpa untanya itu, maka ia berkata: Tunjukkanlah aku orangnya! Lantas ditunjukkan orang itu kepadanya, kemudian Abu Abdillah berkata:

"Dengan nama Allah, yang tertahan akan tertahan, batu-batu tetap sahaja mengering, binatang berekor tetap sahaja bersinar, aku kembalikan pandangan mata jahat ini kepada orangnya dan kepada org yg dicintainya, maka lihatlah ulang-ulang adakah kamu lihat sesuatu yg tidak seimbang? Kemudian pandanglah sekali lagi, nescaya penglihatanmu akan kembali kepadamu dengan tidak menemukan sesuatu cacat dan penglihatanmu itu pun dalam keadaan sukar..

Tiba tiba keluarlah kedua biji mata orang itu, dan unta itu pun kembali tegak tanpa kurang suatu apa pun

#### 7. Beza 'ain dengan sihir

1. 'ain boleh ditimpakan oleh jin dan manusia sendiri.
2. 'ain boleh berlaku hanya dengan rasa takjub tanpa berserta iri hati ataupun berserta iri hati.
3. Sihir memerlukan syarat penyihir itu melakukan suatu perbuatan kufur / syirik untuk membolehkan ianya berkesan.

#### 8. Jenis Manusia Yang Berpotensi Memberikan Ain kepada seseorang

- a. Penyakit hati yang sangat kritikal (suka mengumpat, mencarut, mengeji, menghina)
- b. Mereka yang sikapnya suka memuji dalam masa yang sama juga suka mengeji.
- c. Potensi 'perempuan' lebih tinggi dari 'lelaki', namun banyak kes hanya melibatkan lelaki kerana sifat perempuan yang tidak menonjol dan muka adanya 'MALU' dalam diri berbanding lelaki.
- d. Seorang yang pendiam
- e. Jin yang jahat

#### 9. Makhluq Yang Berpotensi Terkena Ain

- a. Anak dara tua (tidak bernikah walaupun sudah mencecah umur 30)
- b. Bayi
- c. Cacat terutama sekali di bahagian muka/ yang ternampak.
- d. Terlalu tampan atau jelita.
- e. Haiwan
- f. Tumbuh-tumbuhan

#### 10. Panduan Mengelak Terkena Ain

Nasihat saya, janganlah terlalu takjub dengan ciptaan Allah SWT. Seandainya timbul perasaan itu, cepat-cepatlah meminta perlindungan daripada Allah SWT. Sebutlah "MassyaAllaah, laa quwwata illaa billaah. (مَا شَاءَ اللَّهُ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ)" seperti dalam firman Allah SWT dalam surah Al-Kahfi ayat 39 dan 40

وَلَوْلَا إِذْ دَخَلْتَ جَنَّتَكَ قُلْتَ مَا شَاءَ اللَّهُ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ إِنَّ تَرِنَ أَنَا أَقَلَّ مِنْكَ مَالًا  
وَوَلَدًا

maksudnya: Dan mengapa kamu tidak mengatakan waktu kamu memasuki kebunmu "maasyaallaah, laa quwwata illaa billaah (sungguh atas kehendak Allah semua ini terwujud, tiada kekuatan kecuali dengan pertolongan Allah). Sekiranya kamu anggap aku lebih sedikit darimu dalam hal harta dan keturunan. Maka mudah-mudahan Tuhanku akan mengurniakan daku lebih baik daripada kebunmu, dan (aku bimbang) dia akan menimpakannya dengan bala,

bencana dari langit, sehinggalah menjadilah kebunmu itu tanah yang licin tandus.(Al-Kahfi ayat 39 dan 40)

Atau baca saja isti'azah atau ta'awwudz:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

(Aku berlindung dari Allah dari syaitan yang direjam.)

Allah SWT ada beri sedikit panduan. Di dalam Al-Qur'an, Surah Al-A'raaf, ayat 200 yang maksudnya:

"Dan jika engkau dihasut oleh sesuatu hasutan dari syaitan, maka mintalah perlindungan kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui."

#### 11. Rawatan Asas Ain

Cara 1: al-Ain itu adalah penyakit, dan diubati dengan cara yang diajar oleh Nabi, sebagaimana disebut dalam hadis spt kisah Sahl bin Hunaif, dan lain2 iaitu memandikan si mangsa Ain dengan air basuhan atau air wudhu si pengena Ain itu.

"Amir bin Rabi'ah pernah melewati Sahl bin Hunaif yang sedang mandi, lalu ia berkata, 'Aku tidak pernah melihat seperti hari ini dan aku tak pernah melihat kulit seperti kulit wanita yang dipingit.' Tidak berapa lama, Sahl terjatuh. Kemudian dia didatangkan ke hadapan Nabi. Orang-orang pun mengatakan kepada beliau, '(Wahai Rasulullah), segera selamatkan Sahl, ia telah terbaring.' Nabi bertanya, 'Siapa yang kalian tuduh dalam hal ini?' Mereka menjawab, 'Amir bin Rabi'ah.' Beliau pun berkata, 'Atas dasar apa salah seorang di antara kalian hendak membunuh saudaranya? Apabila seseorang melihat sesuatu yang menakjubkan dari diri saudaranya, hendaknya ia mendoakan kebaikan padanya.' Kemudian beliau meminta air dan memerintahkan 'Amir untuk berwudhu', maka 'Amir pun membasuh wajahnya, kedua tangan hingga sikunya, kedua kaki hingga lututnya, serta bagian dalam sarungnya. Lalu beliau memerintahkan untuk menuangkan air itu pada Sahl." (HR. Ibnu Majah no. 3500, dishahihkan oleh Asy-Syaikh Al-Albani dalam Shahihul Jami' no. 3908/4020 dan Al-Misykah no. 4562)

Cara 2: Boleh juga diubati dengan cara RUQYAH, sebagaimana Nabi memerintahkan Aisyah supaya mengambil ruqyah untuk penyakit Ain. -Sahih bukhari dan Muslim.

dan dalam hadis lain "Tiada ruqyah melainkan untuk penyakit Ain dan sengatan binatang bisa". Bukhari (no: 5378) dan Muslim (no: 220).

Antara ruqyah pilihan antaranya:

أَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّةِ مِنْ كُلِّ عَدُوٍّ وَهَامَّةٍ وَمِنْ كُلِّ شَيْطَانٍ وَ عَيْنٍ لَّامَّةٍ

Fatihah, Ayat Kursi, Surah An-Nur:35

اللَّهُ نُورُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ مِثْلُ نُورِهِ كَمِشْكَاةٍ فِيهَا مِصْبَاحٌ الْمِصْبَاحُ فِي زُجَاجَةٍ  
الزُّجَاجَةُ كَأَنَّهَا كَوْكَبٌ دُرِّيٌّ يُوقَدُ مِنْ شَجَرَةٍ مُبَارَكَةٍ زَيْتُونَةٍ لَا شَرْقِيَّةٍ وَلَا غَرْبِيَّةٍ  
يَكَادُ زَيْتُهَا يُضِيءُ وَلَوْ لَمْ تَمْسَسْهُ نَارٌ نُورٌ عَلَى نُورٍ يَهْدِي اللَّهُ لِنُورِهِ مَنْ يَشَاءُ  
وَيَضْرِبُ اللَّهُ الْأَمْثَالَ لِلنَّاسِ وَاللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ

Allah (Pemberi) cahaya (kepada) langit dan bumi. Perumpamaan cahaya Allah, adalah seperti sebuah lubang yang tak tembus , yang di dalamnya ada pelita besar. Pelita itu di dalam kaca (dan) kaca itu seakan-akan bintang (yang bercahaya) seperti mutiara, yang dinyalakan dengan minyak dari pohon yang berkahnya, (yaitu) pohon zaitun yang tumbuh tidak di sebelah timur (sesuatu) dan tidak pula di sebelah barat(nya) , yang minyaknya (saja) hampir-hampir menerangi, walaupun tidak disentuh api. Cahaya di atas cahaya (berlapis-lapis), Allah membimbing kepada cahaya-Nya siapa yang dia kehendaki, dan Allah memperbuat perumpamaan-perumpamaan bagi manusia, dan Allah Maha Mengetahui segala sesuatu.

Surah Al-Mulk (1-4)

تَبَارَكَ الَّذِي بِيَدِهِ الْمُلْكُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ (١) الَّذِي خَلَقَ الْمَوْتَ وَالْحَيَاةَ  
لِيَبْلُوَكُمْ أَيُّكُمْ أَحْسَنُ عَمَلًا وَهُوَ الْعَزِيزُ الْغَفُورُ (٢) الَّذِي خَلَقَ سَبْعَ سَمَاوَاتٍ  
طِبَاقًا مَا تَرَى فِي خَلْقِ الرَّحْمَنِ مِنْ تَفَافُوتٍ فَارْجِعِ الْبَصَرَ هَلْ تَرَى مِنْ فُطُورٍ (٣)  
ثُمَّ ارْجِعِ الْبَصَرَ كَرَّتَيْنِ يَنْقَلِبْ إِلَيْكَ الْبَصَرُ خَاسِئًا وَهُوَ حَسِيرٌ (٤)

dan akhir sekali 4 Qul.

Wallahu alam bissawab.

Rujukan kitab Thibbun Nabawi (Ibnu Qayyim al-Jauziah), terjemahan oleh Muallij Mustaqim.

#### **BAB 48: BIMBINGAN RASULULLAH MERAWAT LUKA DAN KUDIS**

1. Dari Abu Hazim bahawa ia mendengar Sahal bin Saad ditanya orang mengenai cara pengubatan luka Rasulullah SAW yang diperolehi baginda semasa perang Uhud. Jawab Sahal: “Muka Nabi luka, dua gigi depannya pecah dan topi penutup kepalanya hancur. Fatimah, puteri Rasulullah SAW yg membasuh luka itu dan Ali bin Abu Thalib menaburkan mijan (sejenis tumbuhan yg berfungsi spt bius). Ketika Fatimah melihat darah yang keluar masih tetap banyak, ia mengambil tikar hashir (tikar yg dibuat daripada sejenis pohon bahan baku kertas di Mesir - papyrus) lalu membakarnya menjadi abu. Lalu abu tadi ditempelkan ke luka tadi, setelah itu luka tersebut tidak mengeluarkan darah lagi. Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim.

2. Menurut pengarang kitab “al-Qanun” al-Baradi (sejenis pohon papyrus di Mesir) berkhasiat untuk mencegah keluarnya darah luka dan jika ditaburkan ke atas luka, dagingnya akan segera sembuh. Org Mesir sejak dahulukala menjadikannya sebagai kertas. Abunya sangat baik utk menghentikan pendarahan dan mencegah agar luka tidak semakin membesar kerana ia akan mengeringkannya.

3. Rasulullah SAW telah mengajar cara mengubati luka seperti berikut;

Dari Asyiah RA ia berkata: “Adalah Rasulullah SAW jika seseorang terluka, mempunyai kudis dan luka: maka baginda berbuat dengan jarinya begini - lalu Sufyan meletakkan jari telunjuknya ke tanah dan mengangkatnya - dan Rasulullah SAW mengucapkan:

بِسْمِ اللَّهِ تُرْبَةُ أَرْضِنَا بِرِيقَةٍ بَعْضِنَا لِيُشْفَى بِهِ سَقِيمُنَا بِإِذْنِ رَبِّنَا

“Dengan menyebut nama Allah, Debu tanah kami, dengan ludahan sebahagian kami, agar sembuhkanlah penyakit kami, dengan izin Tuhan kami (Hadis riwayat Imam Muslim dalam Sahihnya)”.

4. Hadis ini menerangkan cara pengubatan luka yang dianjurkan oleh Rasulullah SAW dengan menggunakan jari telunjuk yang digoreskan ke tanah, lalu disapukan ke tempat yang terluka dan disertai dengan doa, pasti keberkatannya mampu mengubati sesuatu. Tambahan pula, ia merupakan sunnah Rasulullah SAW. Nampak mudah, sesiapa pun mampu melakukannya. Apa yang penting adalah keikhlasan dan keyakinan hati kepada Allah SWT. Kita hanya berusaha, berdoa dan bertawakkal, hanya Allah penentu sesuatu.

Wallahu alam bissawab.

Rujukan kitab Thibbun Nabawi (Ibnu Qayyim al-Jauziah), terjemahan oleh Muallij Mustaqim.

## **BAB 65: BIMBINGAN RASULULLAH DALAM BAHAN ALAMIAH**

### **1. 'Asal (Madu Lebah)**

Madu lebah merupakan salah satu perubatan menurut wahyu disebut dalam Al-Quran dan hadis Nabi saw. Dalam kitab perubatan Islam dinyatakan bahawa madu hendaklah dicampurkan dengan beberapa bahan lain untuk kecerdasan minda.

2. Seperti mana yang diterangkan dalam Al-Quran, Surah Al-Nahl ayat 68-69, maksudnya: "... dari perut lebah itu keluar minuman (madu) yang bermacam-macam warna. Di dalamnya terdapat ubat yang boleh menyembuhkan penyakit manusia".

3. Dalam kitab "Al-Has Ali Al-Hafizul Ilmi" oleh Abdul Rahman Al-Juzi (meninggal dunia 598H) menyatakan yang bermaksud: "Hendaklah kamu mengambil madu kerana ianya baik untuk ingatan".

4. Dalam kitab Perubatan Islam dinyatakan bahawa madu hendaklah dicampurkan dengan beberapa bahan lain untuk kecerdasan minda seperti yang diterangkan bahannya dalam risalah ringkas ini. Kebaikan madu terdapat dalam Al-Quran, Surah Al-Nahl: 68 - 69.

Meruqyah madu:

يَخْرُجُ مِنْ بُطُونِهَا شَرَابٌ مُخْتَلِفٌ أَلْوَانُهُ فِيهِ شِفَاءٌ لِلنَّاسِ

Maksudnya : "...dari perut lebah itu keluar minuman (madu) yang bermacam-macam warna. Di dalamnya terdapat ubat yang boleh menyembuhkan penyakit manusia".

5. Dalam kitab, " الحث على حفظ العلم " oleh Abdul Rahman Al-Juzi (meninggal dunia 598H) menyatakan bahawa: "Hendaklah kamu mengambil madu kerana ianya baik untuk ingatan".

" Tiap-tiap penyakit ada ubatnya, maka berubatlah kamu, tetapi jangan berubat dengan yang haram," demikian pesanan Nabi SAW kepada umatnya.

Suatu ketika Nabi dikunjungi Abu Said Al-Khudry dan mengadukan tentang saudaranya yang sedang sakit. Dia ingin mendapatkan pertolongan Nabi untuk mengubati penyakit itu.

"Minumlah madu," demikian Nabi berpesan kepada Abu Said.

6. Abu Said segera pulang menemui saudaranya yang sedang sakit lalu mmenyuruhnya mmeminum madu sepertimana pesanan Nabi. Tetapi tidak juga sembuh, malah kelihatan seperti bertambah sakit. Beliau kembali menemui Nabi dan memberitahu keadaan sakit

saudaranya itu. "Allah tetap benar, hanya perut saudara engkau yang berdusta," jawab Nabi SAW kepada Abu Said.

Baginda menyuruh meminum madu itu lagi. Abu Said segera kembali ke rumah dan menyuruh saudaranya meminum madu lagi. Namun sakitnya belum sembuh sehingga diberitahu lagi kepada Nabi SAW dan baginda tetap menyuruh minum madu itu sampai empat kali. Akhirnya sembuh dan Abu Said menemui Nabi memberitahu hasil yang menggembirakan.

"Allah tetap benar, hanya perut saudara kamu yang berdusta," demikian Nabi mengulangi kata-katanya dahulu.

7. Madu kemudian dikenali sebagai satu ubat yang baik diminum untuk kesihatan manusia. Nabi SAW telah memberitahu kepada umatnya sejak dahulu lagi.

8. Sejak dari dulu lagi, madu lebah telah dijadikan sebagai bahan minuman untuk kesihatan. Oleh yang demikian, pengamalan madu lebah boleh memberikan khasiat kepada pengamalnya. Pengamalan madu lebah asli yang berterusan dapat mencegah penyakit kepada pengamal madu lebah asli. Dengan izin ALLAH di antara penyakit yang dapat dicegah dengan mengamalkan pengambilan madu lebah asli. Pengambilan MADU LEBAH secara berterusan banyak memberi manfaat kepada kesihatan serta mampu menghindari dari pelbagai jenis penyakit seperti:-

<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kencing manis</li> <li>• Barah/Kanser</li> <li>• Mata kelabu</li> <li>• Letih/Lesu/Tenat</li> <li>• Tenaga batin/Seks</li> <li>• Lendir/Kahak</li> <li>• Penyeri muka</li> <li>• Awet muda</li> <li>• Pendarahan otak</li> <li>• Gastrik</li> <li>• Gagap</li> <li>• Batuk kering</li> <li>• Lupa</li> <li>• Keracunan Makanan</li> <li>• Asma/Lelah</li> <li>• Sakit puan</li> <li>• Resdung</li> <li>• Darah tinggi</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bersalin - senang</li> <li>• Batuk</li> <li>• Penyakit Kulit</li> <li>• Sakit Telinga</li> <li>• Lemah jantung</li> <li>• Jerawat</li> <li>• Pening</li> <li>• Pekak</li> <li>• Lumpuh</li> <li>• Uban (Berpenyakit)</li> <li>• Susah tidur</li> <li>• Sakit sendi • Sembelit</li> <li>• Selsema</li> <li>• Alahan/Allergic</li> <li>• Kanak-kanak (Sihat)</li> <li>• Rambut gugur</li> <li>• Sakit pinggang</li> <li>• Terbakar</li> </ul>
---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------	--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

<ul style="list-style-type: none"><li>· Sakit kepala</li><li>· Angin</li><li>· Luka</li><li>· Keputihan</li><li>· Bintik-bintik hitam</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>· Haid</li><li>· Buasir</li><li>· Kurang darah</li><li>Dan lain-lain lagi</li></ul>
-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------	---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

9. Selain penyakit di atas, masih banyak lagi khasiat madu lebah yang perlu kita ketahui. Khasiat madu lebah yang perlu diketahui adalah:

Madu lebah dapat menambahkan stamina dan membekalkan tenaga

Madu lebah boleh dijadikan sebagai sumber tenaga

Madu lebah dapat meningkatkan metabolisme tubuh

Madu lebah mengandungi agen antioksidan yang boleh mengurangkan aktiviti yang memusnahkan sel

Madu lebah dapat melancarkan peredaran darah

Madu lebah dapat melancarkan sistem pencernaan

Madu lebah dapat meningkatkan semangat seksual atau tenaga batin

Madu lebah juga digunakan sebagai mengubati luka-luka

Madu lebah sesuai untuk kecantikan dan menjadikan kulit lebih licin dan halus

#### A) MENGEMBALIKAN KEKUATAN TUBUH

1. Memulih. menyegar dan menambah tenaga tubuh badan.
2. Memulihkan sel-sel urat besar.
3. Menjaga dan mengimbangi kekuatan badan.
4. Merangsang tenaga batin.

#### B) MEMBERSIH DAN MENAMBAH DARAH.

1. Memulihkan kembali bekuan darah dan membetulkan pengaliran darah.
2. Membersihkan lapisan darah dan darah menjadi bersih.
3. Mengimbangi kandungan lemak dan membuat janlung aktif.
4. Menghilangkan rasa kebas-kebas dan mengurangkan tekanan darah tinggi.

#### 1. BAYI/KANAK-KANAK:

- a) Membantu pertumbuhan janin dan bayi dari segi fizikal dan mental.
- b) Menyembuh dengan segera cirit-birit.
- c) Mengelak daripada cacing perosak dalam perut.
- d) Mengeluarkan lendir dalam badan bayi dan menguatkan minda kanak-kanak.

2. REMAJA:

Membantu menyempurnakan kesihatan berkekalan.

3. WANITA:

- a) Menambah kejelitaan rupa paras yang asli dan tubuh badan yang menarik.
- b) Mempunyai kulit yang halus, bersih dan berseri-seri.

4. LELAKI:

- a) Tampan dengan kekuatan asli dan kelihatan lebih muda.
- b) Meningkatkan tenaga batin.

5. PENGIDAP KENCING MANIS (DIABETIS):

Menstabilkan kandungan gula dala darah. (Gantikan gula kepada madu lebah)

6. UNTUK SEMUA:

- a) Mengelak dari kegemukan yang tidak terkawal.
- b) Memudahkan proses penghadapan dan lawas buang air.
- c) Memulihkan penyakit berpanjangan.
- d) Meningkatkan jantung, buah pinggang dan badan.
- e) Menyembuhkan penyakit dalam perut.
- f) Mempercepatkan luka atau kesan pembedahan sembuh.
- g) Memulihkan batuk dan lelah.
- h) Menghindarkan badan letih dan lesu.
- i) Kurangkan kesakitan bila datang haid.
- j) Baik untuk perempuan bersalin.
- k) Membantu/menerangkan pemandangan.

7. IBU MENGANDUNG

- 1. Menambahkan tenaga untuk ketahanan diri semasa mengandung dan semasa menghadapi saat kelahiran cahaya mata.
- 2. Mencegah dari berbagai penyakit seperti kencing manis, darah tinggi, kencing kotor, batuk selsema, lelah dan lain-lain.

8. ANAK DALAM KANDUNGAN

- 1. Mencegah dari pelbagai penyakit kerana kandungan antibiotik dalam madu dapat membunuh kuman-kuman.
- 2. Kandungan zat galian dalam madu boleh membantu membina dan menguatkan janin.

3. Kulit yang bersih dan sihat dengan terdapatnya vitamin C yang penuh kuasa dalam madu asli.
4. Membantu secara khusus pertumbuhan fizikal dan mental janin.
5. Penyakit Hepatitis B yang biasa menyerang bayi dapat dihindar dengan amalan madu oleh para ibu yang mengandung.

#### 9. BAGI BAYI YANG BARU LAHIR

1. Meneruskan pemberian madu asli pada bayi yang baru lahir dapat mengeluarkan secara positif lendir yang mungkin terminum semasa bayi itu dilahirkan yang merupakan punca lelah jika tidak habis dikeluarkan.
2. Membersihkan perut bayi dari najis gagak yang menyelaputi dinding perut. Proses penghadaman dapat berjalan dengan sempurna menghindar dari sakit perut.
3. Bayi membesar dengan sempurna dan sihat.
4. Mengelak dari kembung perut bayi.

#### 10. BAGI IBU SELEPAS MELAHIRKAN ANAK

1. Amalkan madu bersama jamu dan telur untuk membina darah serta mempercepatkan proses penyembuhan luka dalam perut atau rahim.
2. Membantu proses penghadaman dan lawas buang air.

#### CARA MENGGUNAKANNYA

1. Tukar atau kurangkan penggunaan gula kepada madu dalam penyediaan minuman harian.
2. Campurkan sedikit madu ke dalam air suam sebagai minuman.
3. Campurkan madu di dalam segala persediaan membuat kuih/masakan. Keharuman madu akan menawan selera anda.
4. Jika batuk atau lelah, minum satu atau dua sudu madu. Jangan dicampur dengan ais. (Berhati-hati jangan tersedak)
5. Untuk memulihkan tenaga, campurkan telur ayam kampung dengan sedikit madu. Dikacau kemudian diminum.
6. Campurkan sedikit madu ke dalam minuman kanak-kanak, kanak-kanak akan lena dengan nyenyak.
7. Minumlah sesudu besar madu bersama segelas air suam setiap pagi untuk kesegaran sepanjang hari.
8. Penyakit mata, Titiskan sedikit madu pada mata.
9. Sapu pada kesan gigitan atau sengatan serangga berbisa.

#### SAPULAH MADU HUTAN ASLI JIKA ANDA

- a) Kemalangan ke atas luka; memberhentikan darah dengan segera

dan luka terlindung dari kuman.

b) Kelecuran akibat api, air panas, ekzos motor, minyak panas dan lain-lain.

c) Kudis, kurap dan lain-lain penyakit KULIT.

d) Sakit mata - Titiskan madu lebah dalam mata.

#### MENAMBAHKAN KELAZATAN MAKANAN

a) Makan bersama roti / biskut.

b) Bahan membuat kuih / kek.

c) Goreng atau panggang ayam.

#### 2. Za'faran (Stigma Bunga/ Crocus sativus)

Bunga Za'faran merupakan herba yang sangat terkenal dan termahal, dikenali sebagai "King of Spices". Terlalu banyak dalam kitab menyatakan bahawa Za'faran sangat baik untuk kecerdasan minda.

Dalam kitab "Tib Al-Imam Ali" m.s. 381 Saiyidina Ali (k.w) menyatakan yang bermaksud: "Sesiapa yang mengambil sebahagian Za'faran tulen dan Su'dun satu bahagian dicampurkan dengan asal (madu), diminum sebanyak dua misqal (dua sudu) pada setiap hari, maka dikagumi tentang ingatannya sehingga dituduh melakukan sihir".

#### 3. Karaps (Bijirin/ Apium graveolens)

Dalam kitab "Thibbbun Nabawi", Nabi saw sendiri menyatakan kebaikan karaps untuk kecerdasan minda dengan sabda Baginda saw yang bermaksud: "Makanlah oleh kamu karaps, kerana ianya menguatkan ingatan, karaps dari makanan Khidir (Nabi Allah Khidir a.s.)".

Sabda Baginda saw lagi tentang kebaikan karaps yang bermaksud: "Hendaklah kamu mengambil karaps, jika sekiranya sesuatu dapat menambahkan akal maka ianya adalah karaps".

#### 4. Qaranful (Bunga/ Eugenia carophyllus)

Dalam kitab "Tib Al-Imam Al-Sodiq" m.s. 381 Imam Ja'afar Al Sodiq (r.h.) lahir pada 80H (guru kepada Imam Abu Hanifah r.h.) pernah menerangkan masalah kecerdasan minda kepada muridnya Abi Basir yang bermaksud: "Berkata Abi Basir, aku bertanya kepada Al-Sodiq (Imam Ja'afar Al-Sodiq). Bagaimanakah kami berupaya mengingati ilmu yang engkau sebarkan kepada kami? Lalu Imam Ja'afar Al-Sodiq berkata, ambillah seberat 10 dirham (lebih kurang 10 sudu) qaranful, begitu juga kundur zikri (lubban) serta ditumbuk halus keduanya, lalu diletakkan di atas lidah (dihisap) pada setiap hari".

#### 5. Adas (Bijirin/ Organic Lenthils)

Adas adalah makanan yang disebut dalam A-Quran, surah Al-Baqarah ayat 61.

Adas dapat menguatkan ingatan seperti mana dalam kitab "Tibbul Aimmah" m.s. 389 menyebutkan yang bermaksud: "Terdapat berita menyatakan bahawa perkara yang menguatkan ingatan ialah memakan daging di kawasan tengkok binatang (halal), makan makanan manis-manis (seperti madu), makan adas, makan roti dan membaca ayat-ayat Al-Kursi".

#### 6. Khardal (Brassica juncea)

Secara ringkas, kebaikan khardal dan kecerdasan minda mengikut kenyataan Imam Ali Al-Ridho r.h. (121-203H) menyuruh kita memakan khardal dan zanjabil bersama madu setiap hari.

#### 7. Na'na (Mentha longifolia)

Dr. Riyad Muhammad salah seorang ulama perubatan Islam moden dari Mesir dalam kitabnya m.s. 298 menyuruh kita memasukkan daun na'na dan habbatus sauda' ke dalam madu untuk kecemerlangan minda, beliau menyatakan yang bermaksud: "Digoreng (dikeringkan) na'na serta dihaluskan kemudian dicampur dengan madu, selepas itu dimasukkan tujuh titik minyak habbatus sauda' diminum suam-suam serta dibaca ayat Al-Ruqayyah sebanyak 7 kali, ayat Syifa serta surah Yaasin".

#### 8. Zabib (Buah/ Raisin)

Dalam kitab "Thibbun Nabawi" oleh Ibnu Qayyim Al-Juzi, menyebutkan yang bermaksud: "Imam Al-Zuhri berkata: Sesiapa yang ingin menghafal hadis, maka dia hendaklah makan zabib (kismis)".

#### 9. Lubban (Getah Pokok)

Lubban disebut sebagai kundur zikri mengikut kitab "Thibb Al-Imam Al-Sodiq" m.s. 381 oleh Imam Ja'afar Al Sodiq (r.h.) pada kenyataan sebelumnya. Lubban dikenali umum oleh orang Arab sejak dahulu kala sebagai makanan kecerdasan minda.

Banyak riwayat di antaranya dalam kitab "Thibb Al-Nabawi" m.s. 355 menyebutkan riwayat dari Ibnu Abbas (r.d.), Anas (r.a) dan Saiyidina Ali (k.w.): Maksudnya: "Diriwayatkan dari Saiyidina Ali (k.w.) bahawa dia menyatakan kepada seorang lelaki yang mengadu kepadanya tentang masalah penyakit lupa. Lalu Sayyidina Ali (k.w.) menyuruh ia menggunakan lubban, kerana lubban dapat menguatkan hati serta menghilangkan masalah kelupaan".

#### 10. Habbatus Sauda' (Nigella sativa)

Habbatus sauda' adalah sejenis bijirin yang sangat terkenal khasiatnya dalam perubatan Islam, mempunyai dalil atau nas yang terlalu banyak dari Nabi saw sendiri dan ulama perubatan Islam.

Di antara sabda Rasulullah saw dalam hadis sahih diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim, Baginda saw bersabda yang bermaksud: "Daripada hadis Abi Salamah (r.d.) bahawasanya Rasulullah saw bersabda: "Hendaklah kamu mengambil habbatus sauda' ini, kerana ianya penyembuh bagi setiap penyakit, melainkan mati".

Ibnu Sina dalam kitabnya "Al-Qanun Fi Al-Thibb" m.s. 856, menyatakan bahawa: "Habbatus sauda' dapat melegakan angin dalam badan, masalah paru-paru, sakit kerongkongan, sakit kepala, buah pinggang, kencing, gastrik, menguatkan jantung, menghilangkan keletihan dan membuang keracunan badan (toksin)".

Begitu juga dengan pendapat ulama perubatan Islam lain seperti Ibnu Al-Baithor dalam kitabnya "Jamiah", Daud Al-Intoqi dalam kitab "Tazkirah" dan lain-lain.

#### 11. Hindiba' (Cichorium intybus)

Pokok Hindiba' sangat terkenal sebagai herba yang baik untuk kesihatan sejak zaman Yunani, zaman Pliny (A.D 23-79) Zaman Napoleon, Greek, Rom dan Mesir Purba (kerajaan Firaun).

Setelah Kedatangan Nabi Muhammad saw, hindiba' menjadi semakin terkenal kerana Baginda sendiri banyak meriwayatkan tentang hindiba'. Ulama perubatan Islam menyebut bahawa hindiba' dapat menyembuhkan berbagai-bagai penyakit manusia dan ianya sesuai dimakan bersama madu lebah.

Dalil-dalil kebaikan hindiba' - Bersabda Rasulullah saw yang bermaksud: "Makanlah oleh kamu hindiba' dengan cara kesemuanya bahagian pokok tersebut, sesungguhnya tidaklah sehelai daripada daun hindiba' itu melainkan mengandungi air dari syurga".

Kenyataan kebaikan hindiba' oleh ulama perubatan Islam terkenal zaman silam iaitu Imam Ja'afar As-Sodiq (83-148H): "Hendaklah kamu memakan hindiba' kerana ianya dapat menyuburkan air mani dan mencantikkan muka" (mencantikkan muka dapat dimaksudkan sebagai awet muda).

Khasiat hindiba' menurut Ibnu Sina (370-428H): Terjemahannya: "Berkata Ibnu Sina: Hindiba' dapat membuka segala yang tersumbat di saluran makan (di usus) dan didalam urat saraf. Mengubati penyakit mata, menghapuskan penyakit mata, menghapuskan penyakit keputihan di mata (selaput mata) dan menstabilkan denyutan jantung. Bermanfaat untuk penyakit

kerongkongan (kerongkongan, kemerahan kerongkong), dapat melegakan kahak, gelema serta memperbaiki usus-usus di perut. Hindiba' merupakan penawar terpilih untuk mengatasi masalah kelemahan di perut".

Khasiat hindiba' menurut ulama perubatan Islam Ibnu Qayyim Al-Juziyah (691-751H), dalam kitabnya "Thibbun Al-Nabawi", beliau mengatakan: Maksudnya, "Apabila dimakan maka hindiba' boleh melegakan luka-luka dalam perut, bermanfaat untuk segala yang tersekat di perut, penyakit kepanasan mata (masalah penyakit mata), menguatkan perut, membuka segala yang tersumbat di hati, bermanfaat untuk penyakit kepanasan dan kesejukan badan, membuka segala yang tersumbat di limpa, di urat-urat saraf, di saluran makanan (perut), membersihkan buah pinggang, membersihkan segala penyakit di dada, membersihkan (menghilangkan) kepanasan darah, penyakit kencing serta hindiba' mempunyai kekuatan menghapuskan segala masalah keracunan badan (toksin)".

#### 12. Babunaj (*Matricaria chamomilla*)

Sejak zaman dahulu hingga kini masyarakat Arab dan Farsi menganggap pokok babunaj sebagai pokok herba yang sangat istimewa untuk mereka. Bunga babunaj yang berwarna putih kekuningan sangat berkhasiat untuk mengubati berbagai-bagai penyakit.

Di antara khasiat bunga babunaj seperti mana yang disebut dalam kitab-kitab perubatan Islam ialah dapat melawaskan kencing, mengubati kesakitan ketika haid, mengubati usus kecil dan besar, sistem penghadaman, gastrik, buang angin di badan, menghilangkan kepanasan di badan, sakit kepala, sakit-sakit sendi serta dapat memberi semangat dan tenaga kepada seseorang. Lihat kitab "Al-Qanun Fi Al-Tib" Ibnu Sina, Jilid 1, m.s. 473-474, kitab "Sidlit Al-Athor" Ibnu Al-Baithor m.s. 89-90, kitab "Sidlit Al-A'sab" Daud Al-Intoqi, m.s. 60 dan lain-lain kitab perubatan Islam.

#### 13. Zanjabil (*Zingiber officinale*)

Sudah menjadi amalan kebiasaan orang Arab sejak zaman dahulu sehingga sekarang, mereka memasukkan zanjabil dalam minuman harian, teh, kopi susu dan madu kerana khasiatnya yang sangat banyak menurut perubatan Islam.

Zanjabil adalah salah satu herba yang disebut dalam Al-Quran surah Al-Insan ayat 17 yang bermaksud: "Mereka dalam syurga itu diberi sejenis minuman yang dicampurnya dari zanjabil".

Khasiat zanjabil: Menurut kitab-kitab perubatan Islam, zanjabil dapat mengatasi masalah kelemahan kesihatan seperti sakit dada, jantung, lelah, lemah paru-paru, angin dalam badan, mengubati darah, penghadaman, usus serta membuang keracunan badan. Lihat kitab "Al-

Qanun Fi Al-Tib" Ibnu Sina m.s. 558-559, kitab "Thibbun Nabawi", kitab "Sidlit Al-Athor" m.s. 293-294, kitab "Sidlit Al-A'sab" m.s. 253.

#### 14. Hulbah (*Trigonella feonum-graecum*)

Hulbah adalah sejenis bijirin herba yang digunakan secara meluas dalam perubatan Islam sejak zaman dahulu kala lagi. Terdapat banyak riwayat tentang kebaikan hulbah sama ada dari Nabi saw sendiri dan ulama perubatan Islam, di antaranya: Maksudnya: "Disebut daripada Al-Qasim bin Abdul Rahman, dia berkata: telah bersabda Rasulullah saw, "Berubatlah kamu dengan hulbah".

Lihat kitab "Thibbun Nabawi", Kebaikan hulbah menurut ulama perubatan Islam, di antaranya ialah: Terjemahannya: "Seandainya manusia mengetahui manfaatnya hulbah, tentulah mereka akan membelinya dengan emas yang sama timbangannya".

Khasiat hulbah: Dalam kitab-kitab perubatan dinyatakan bahawa hulbah mengubati masalah sakit kerongkong, kahak, sakit dada, lelah, melegakan pernafasan, menambahkan air mani, masalah usus, angin (gastrik), jantung, buah pinggang dan keracunan badan (toksin).

#### 15. Kurma (*Tamar* dan *Ruthob*)

Allah SWT berfirman dalam Al-Qur'an

Dan goyanglah pangkal pohon kurma itu ke arahmu, niscaya pohon itu akan menggugurkan buah kurma yang masak kepadamu, maka makan, minum, dan bersenang hatilah kamu.

Diriwayatkan dalam kita Shahihain dari Abdullah bin Ja'far. "Aku melihat Rasulullah SAW makan tembikai dengan makanan basah (kurma)."

Diriwayatkan dalam Sunah Abu Daud dari Anas bahwa beliau berkata :

"Rasulullah SAW berbuka puasa dengan makanan basah sbelum melakukan solat. Apabila tidak ada buah kurma, maka beliau meneguk beberapa air putih."

Di dalam Sahih Al Bukhari dan Sahih Muslim dari Sa'ad bin Abi Waqqash menyatakan "Rasulullah bersabda:

"Barangsiapa yang mengkonsums tiga butir kurma ajwah di pagi hari, maka ia tidak akan terkena racun dan sihir pada hari itu".

Pada Shahih Al Bukhari terdapat tambahan; "Pada hari itu sampai malam". Dalam riwayat lain dinyatakan mengkonsumsi tujuh butir kurma.

Pada riwayat lain disebutkan "Dari kurma yang dipetik diantara dua bukitnya di pagi hari, maka ia tidak akan terkena racun sampai petang"[Al Bukari pada kitab Al Ath'imah dan kitab Aht-Thibb, Bab Ad-Dawaa' Bil Ajwah Muslim pada kitab Al Asyiribah, Bab Fadhu Tamril Madinah,

No. 2047. Abu Daud pada kitab Aht-Thibb, No. 3876, Imam Ahmad, 1/181 dan Abu Nu'aim dalam kitab Aht-Thibbun Nabawi hal 29 dan 95].

Sementara dari Aisyah diriwayatkan bahwanya Rasulullah bersabda:

Sesungguhnya kurma ajwah Aliyah itu mengandung obat (penawar). Dan sesungguhnya ia merupakan antidot (penangkal racun) di awal pagi"[Muslim pada kitab Al Asyiribah, Bab Fadhu Tamril Madinah, No. 2048. Abu Nu'aim dalam kitab Aht-Thibbun Nabawi hal 94 dan Ahmad 6/105. Lihat Misykatul Mashabih, No. 4191].

Lafaz lebih fasih dibaca fathah pada huruf sin. Yang dimaksud dengan dua bukit didalam hadits tersebut adalah dua bukit Madinah. Lafaz bisa dibaca dhomeh atau kasroh pada huruf ta' dan bisa juga dibaca sedangkan yang dimaksud dengan Aliyah disini adalah pemukiman dan desa dari arah Madinah bagian atas yang dekat dengan Nejed. Sementara Safilah dari arah lain yang dekat dengan Tihamah. Wilayah Aliyah yang paling dekat dengan Madinah berjarak 3 mil dan yang paling jauh berjalan 8 batu.

Sa'ad menyatakan "Aku pernah jatuh sakit lalu Rasulullah datang menjengukku kemudian beliau meletakkan tangannya diantara kedua buah puting susu hingga aku merasakan dingin di jantungku dan beliau bersabda kepadaku:

"Sesungguhnya kamu mengidap penyakit jantung, maka datangilah Al Harits bin Kaladah dari suku Tsaqif karena ia membuka praktik pengobatan. Dan hendaklah dia mengambil tujuh butir kurma ajwah Madinah kemudian menumbuknya bersama bijinya lalu memasukkannya kedalam mulutmu"[Abu Daud pada kitab Ath Thibb, Bab Tsarul Ajwah, No. 3875 dan Abu Nu'aim dalam kitab Aht-Thibbun Nabawi hal 61 dan 62. Al Haitsami menyatakan didalam Majma'uz Zawaid, 5/88, At Thabrani dalam Al Mu'jam Al Kabir. Hanya didalam jalur sandanya terdapat Yunus bin Hajjaj Ats Tsaqafi dan saya tidak mengenalnya tapi isnadnya jayyid (bagus). Lihat Mukhtashar As Sunan, Al Mundziri, 5/358].

Lafaz ertinya mengidap penyakit jantung sehingga beliau berusaha meredakannya. Menurut Al Ashmu'in lafadh berarti dua sisi lembah. Dari situ diambil kata yang berarti obat yang dimasukkan ke salah satu sisi mulut. Bentuk jamaknya adalah . Dikatakan (orang laki-laki itu diubati dengan cara memasukkan kesalah satu sisi mulutnya). Orang yang diubati dengan cari ini disebut dan dikatakan dan sedangkan lafadh sama seperti lafaz .

Abu Zakariya An Nawawi berpendapat bahwa khasiat tersebut hanya terdapat pada kurma Madinah. Sama seperti angka tujuh yang hanya bisa diperoleh melalui wahyu. Sementara Abu Daud memberikan judul "Bab Tentang Kurma Ajwah" tanpa menyebut dari Madinah.

16. Sutera

Adapun barang haram yang dibolehkan kerana hajat, Syeikhul Islam menyebutkan kaedah “Ma ubiha lil hajati jazat tadawi bihi wama ubiha lidl dlarurati fala yajuzut tadawi bihi” (Apa yang dibolehkan kerana keperluan boleh dipakai berubat, dan apa yang dibolehkan kerana keterpaksaan tidak boleh dipakai berubat). -maksudnya dibolehkan tidak hanya kerana darurat (keterpaksaan) seperti memakai sutera, telah disebutkan dalam hadits shahih bahwa Nabi memberikan rukhsah (keringanan) bagi Zubair bin ‘Awwam dan Abdurrahman bin ‘Auf ra untuk memakai sutera kerana gatal pada tubuh beliau berdua. Ini boleh menurut pendapat yang benar di kalangan ulama kerana memakai sutera hanya diharamkan jika dalam keadaan tidak perlu. Sutera diharamkan buat lelaki kerana unsur berlebih-lebihan, kemegahan dan kesombongan.

#### 17. Cendawan Kamaah

Dari Abu Hurairah diriwayatkan:

حدثنا محمد بن المثنى حدثنا غندر حدثنا شعبة عن عبد الملك سمعت  
عمرو بن حريث قال سمعت سعيد بن زيد قال سمعت النبي صلى الله عليه  
وسلم يقول الكمأة من المن وماؤها شفاء للعين

(اخرجه البخاري كتاب الطب باب المن شفاً للعين رقم 5272)

Maksudnya: “Hadis Said bin Zaid bin Amru bin Nufail r.a katanya: Aku pernah mendengar Nabi s.a.w bersabda: “Cendawan adalah sejenis Manna (satu anugerah yang sangat istimewa) dan dapat mengubati mata”.

Dalam riwayat lain Abu Hurairah mengatakan; “Lalu aku mengambil tiga, lima atau tujuh batang cendawan dan memerasnya. Lalu aku masukkan airnya kedalam botol kemudian budak wanita milikkau yang menderita rabun mata bercelak (mengolesi kelopak matanya) dengan air tersebut dan sembuh. (At Tirmidzi dan menurutnya; “Ini hadis hasan gharib”. Ibnu Majah No. 3455 dan Abu Nu’aim dalam kitab Aht-Thibbun Nabawi hal 46. Ahmad dan At Tirmidzi, kitab At Thibb Bab Maa Jaa-a Fil Kami’ati Wal Ajwati No. 2069 dan 2070 yang semuanya dari jalur Abu Hurairah. Ahmad dari jalur Abu Sa’id Al Khudri dan Jabir bin Abdillah, 3/48 dan Ibnu Majah dari jalur kedua orang sahabat tersebut. Sementara Abu Nu’aim dalam kitab Aht-Thibbun Nabawi hal 96 dari jalur Jabir saja. Didalam sanadnya terdapat Syahr bin Hausyab yang dikomentari didalam kitab At Taqrib lajur tapi sering meriwayatkan hadits Mursal dan banyak wahm (ilusi)

#### 18. Makan Mentimun Beserta Kurma

حدثنا يحيى بن يحيى التميمي وعبد الله بن عون الهلالي قال يحيى أخبرنا و  
قال ابن عون حدثنا إبراهيم بن سعد عن أبيه عن عبد الله بن جعفر قال :  
رأيت رسول الله صلى الله عليه وسلم يأكل القثاء بالرطب  
(اخرجه المسلم كتاب الاشربة في أكل القثاء بالرطب: 3806)

Maksudnya: “Daripada Abdullah bin Jaafar r.a katanya: “Aku pernah melihat Rasulullah s.a.w memakan mentimun Arab dengan buah kurma masak”.

Menurut Abu Isa al-Tirmidzhi: Ianya hadith hasan lagi shahih lagi gharib. Ketahuilah bahawa makan timun Arab dengan buah kurma masak itu samalah seperti makan roti dengan mentimun, maka barangsiapa membiasakan diri dengan makan mentimun dengan kurma masak boleh membesarkan badan, kerana timun Arab mempunyai khasiat padanya untuk membesarkan badan, selain itu juga ianya dapat menghilangkan dahaga, mendatangkan kekuatan tenaga bagi sesiapa yang menghidunya kerana padanya terdapat bau yang harum, selain itu ianya dapat menghilangkan rasa panas badan dan perut dan ianya tidak mudah busuk dan rosak.

Manakala kurma itu pula sifatnya panas pada peringkat pertama dan lembap pada peringkat kedua, ianya dapat memberi kehangatan terhadap makanan yang sejuk, akan tetapi menyebabkan dahaga dan lekas menjadi busuk dan rosak, selain itu ianya boleh mengeruhkan darah dan menyebabkan pening kepala. Begitulah sifat kedua-duanya itu yang mana saling berlawanan antara satu sama lain, yang mana timun itu bersifat sejuk manakala kurma itu bersifat panas.

Dan mengapakah Nabi memakannya sekali bersama timun dan kurma adalah disebabkan kedua-duanya bersifat saling berlawanan, timun itu bersifat sejuk dingin, manakala kurma itu bersifat panas dan kering oleh sebab itu timbangan suhu badan akan menjadi seimbang tidaklah terlalu sejuk dan tidaklah terlalu panas. Oleh itu jika ingin memakan benda sejuk seperti timun hendaklah memakan sesuatu benda yang panas seperti kurma, madu, kismis dan sebagainya kerana ianya dapat menyeimbangkan kembali suhu badan, sebagaimana yang disebutkan dalam hadith, Nabi memakannya bersama untuk tujuan tersebut.

#### 19. Berubat dengan Limau Utrujj

وعن أبي موسى الأشعري رضي الله عنه قال: قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: "مثل المؤمن الذي يقرأ القرآن مثل الأثْرَجَةِ ريحها طيب وطعمها طيب، ومثل المؤمن الذي لا يقرأ القرآن مثل التَّمْرَةِ لا ريح لها وطعمها طيب حُلْوٌ، ومثل المنافق الذي يقرأ القرآن مثل الريحانة ريحها طيب وطعمها مُرٌّ، ومثل المنافق الذي لا يقرأ القرآن كمثل الحنظلة ليس لها ريح وطعمها مر".

رواه البخاري في كتاب التوحيد باب قراءة الفاجر والمنافق وأصواتهم وتلاوتهم )

(لا تجاوز:7005)

Maksudnya : “Perumpamaan orang mukmin yang membaca Al-Quran seperti buah Utrujjah (limau); baunya harum dan rasanya manis (enak). Dan perumpamaan orang mukmin yang tidak membaca Al-Quran seperti buah kurma yang tidak berbau tetapi rasanya manis (enak). Dan perumpamaan orang munafiq yang membaca Al-Quran seperti minyak wangi; baunya harum tetapi rasanya pahit). Dan perumpamaan orang munafiq yang tidak membaca Al-Quran seperti buah hanzalah, (buah yang pahit), tidak mempunyai bau dan rasanya pun pahit”.

Utrujj ialah nama sejenis pokok limau yang banyak ranting berduri; mempunyai daun dan buah. Manakala buahnya seperti limau yang besar dan seperti Burtuqaal (limau manis) bentuknya hampir bujur seperti betik dan bermuncung. Warnanya warna emas indah. Limau ini mempunyai dua ciri keistimewaan iaitu keharuman baunya dan keenakkan rasanya.

Bau Utrujj akan menyembuhkan wabak seperti hawar, dan sampar serta keburukkan udara. Manakala kulit buahnya dijadikan bahan adunan (makjun) yang berguna untuk perut dan ia dapat menguatkan keinginan seks jantina. Adapun buahnya, airnya diminum bagi orang yang perutnya panas ia dapat menyejukkan rasa tidak selesa dengan cepat. Ia juga dipercayai dapat menguatkan hati yang lemah dan menyukakan hati yang duka.

Limau Utrujj juga dapat menimbulkan selera makan dan dapat menahan rasa dahaga: menghentikan radang kerongkong, berdebar hati dan menghilangkan rasa kesedihan. Selain itu ia berguna untuk menghilangkan racun yang membunuh dalam tubuh dengan cara meminum air pati dicampur dengan air suam kuku. Ia juga berguna untuk semua mangsa sengatan binatang yang berbisa, iaitu dengan cara mencincangkannya dengan halus dan kemudian

diletakkan di tempat sengatan. Selain dari itu ia juga berupaya dalam menambahkan air mani, menyuburkan badan dan melipatgandakan vitamin-vitamin dalam badan.

## 20. Khasiat Buah Labu

حدثنا قتيبة بن سعيد عن مالك بن أنس فيما قرئ عليه عن إسحق بن عبد الله بن أبي طلحة أنه سمع أنس بن مالك يقول إن خياطا دعا رسول الله صلى الله عليه وسلم لطعام صنعه قال أنس بن مالك فذهبت مع رسول الله صلى الله عليه وسلم إلى ذلك الطعام فقرب إلى رسول الله صلى الله عليه وسلم خبزا من شعير ومرقا فيه دباء وقديد قال أنس فرأيت رسول الله صلى الله عليه وسلم يتبع الدباء من حوالى الصحيفة . قال فلم أزل أحب الدباء منذ يومئذ .

اخرجه مسلم في الأشربة جواز أكل المرق واستحباب أكل اليقطين وإيثار أهل )

(المائدة:3803)

Maksudnya: “Daripada Hadis Anas bin Malik r.a:

Seorang tukang jahit telah mengundang Rasulullah s.a.w untuk menghadiri suatu jamuan makan. Anas bin Malik berkata: Aku pergi bersama Rasulullah s.a.w menghadiri jamuan makan tersebut. Dia menghampiri Rasulullah s.a.w dan menghidangkan roti dari gandum serta kuah berisi buah labu dan daging bakar. Anas berkata: Aku melihat Rasulullah s.a.w mencari-cari buah labu dari dalam sahlah tersebut iaitu sebuah bekas makanan yang memuatkan makanan cukup untuk lima orang”.

Menurut hadith diatas, sebagaimana pemakanan yang digemari nabi selain kurma, Nabi Muhammad saw menggemari buah labu. Buah labu antara lainnya sebenarnya mengandungi pelbagai khasiat yang masih belum terungkap lagi, kini kajian moden mendapati buah labu kaya dengan pelbagai nutrisi dan zat yang baik untuk tubuh badan, begitulah pemakanan baginda yang sebenarnya merupakan satu kaedah pemakanan yang baik, justeru itulah ditekankan bahawasanya mengikut sesuatu yang datangnya dari baginda dan menyelusuri sunnah-sunnahnya merupakan kebaikan dan kemaslahatan bagi umat manusia seluruhnya.

Labu adalah sejenis buah yang biasanya bersaiz bulat labu merah berasal daripada keluarga cucurbitaceae adalah sejenis sayuran yang kaya dengan pelbagai sumber berguna untuk kesihatan tubuh. Jika anda seorang yang berdepan dengan masalah rabun terutamanya pada waktu malam atau ketidakseimbangan gula dalam darah, anda mungkin patut mempertimbangkan labu merah sebagai menu dalam diet anda. Ini kerana pakar dietetik mendedahkan vitamin A dan vitamin C adalah antara dua jenis vitamin yang paling tinggi dalam isi labu. Malah khasiat daripada tumbuhan ini boleh dibahagikan mengikut buah, biji, daun atau bunganya. Selain vitamin A dan C, labu juga mengandungi sumber kalsium, fosforus, zat besi, beta karotin dan serat. Kajian yang dilakukan oleh Jabatan Pertanian Amerika Syarikat (USDA) menyatakan sumber serat atau fiber yang tinggi dalam labu turut berfungsi mengawal nafsu makan.

Dalam buku *Vegetables: For Health and Healing* nukilan Ong Hean Chooi, isi labu yang direbus dikatakan baik untuk merawat tekanan darah tinggi dan penyakit kuning. Labu yang dimasak juga baik untuk mengawal diabetes manakala labu yang dikukur halus boleh merawat luka kecil seperti terbakar atau luka pisau. Katanya lagi, daun labu merah pula bagus direbus untuk dijadikan penawar cirit-birit atau demam. Boleh juga ditumbuk kasar untuk diletakkan pada otot yang sakit.

Menariknya ramai yang menyangka menikmati kuaci labu sekadar bahan kudapan kosong. Kajian yang dilakukan oleh saintis AS pengambilan biji labu yang dimakan secara teratur dalam mencegah masalah batu ginjal. Kajian lanjut turut pernah dilakukan oleh saintis dari Thailand. Mereka mendedahkan hanya lima hingga 10 biji labu diperlukan sehari untuk mencegah batu karang.

Satu lagi kebaikan yang jarang didedahkan tentang ialah khasiatnya untuk kanak-kanak yang menderita kecacingan. Biji labu dikeringkan dan ditumbuk halus sebelum dicampur dengan air suam. Tapiskan campuran itu dan airnya diminum sebelum tidur. Untuk anak-anak yang kurang nafsu makan boleh diberikan isi buah labu. Sebaiknya ia dihidangkan secara menarik untuk menarik perhatian anak anda.

## 21. Berubat dengan celak mata

Maksud celak disini ialah celak hitam; dan ada yang menyebutkan celak Al-Ashfahaani; sebab ia berasal dari Ashfahaan.

Celak ini digunakan pada mata, maka ia akan menguatkan urat-uratnya dan membersihkan sampah-sampah di dalamnya, juga menyembuhkan luka-luka dan menghilangkan parut.

Disamping itu ada juga mnegatakan celak dapat menumbuhkan bulu mata, mengelokkan pandangan mata dan mendatangkan rasa kasih pada hati-hati manusia. Celak yang sangat baik

untuk mengatasi segala macam penyakit mata, menurut Asy-Sayyidi Muhammad As-Said rahimahullah (r.a): Hendaklah diambil 10 gram Zakrafan, 20 gram lada dan ditumbuk halus, diayak pada ayakkan yang bersih dan bercelaklah pada waktu pagi, tengahari dan malam bila perlu.

## 22. Berubat dengan Hinai

Hinai ( Al- Hinnaa' ) mempunyai warna cerah api, digemari dan membangkitkan daya cinta kasih; manakala baunya wangi.

Hinai didapati berguna untuk menyembuhkan luka-luka mulut dan bengkak-bengkak. Air daunnya dimasak berguna untuk memulih bahagian anggota yang terbakar api atau terkenal ulat air pada celah-celah jari kaki atau tangan. Ia merupakan pencelup yang boleh memerahkan rambut dan mengelokkan kuku serta mencegah kuku dari patah.

## 23. Berubat dengan Kayu Gaharu

Ummu Qais binti Muhshan menceritakan pada Rasulullah bahawa dia telah memasukkan jarinya ke dalam mulut anak saudaranya itu dengan harapan sakit kerongkongnya akan baik.

Maka Rasulullah bersabda:

Ertinya: “Mengapakah engkau mengubati anak-anak yang kena radang kerongkong dengan memasukkan jari ke mulut? Hendaklah kamu menggunakan kayu Gaharu ini, kerana ia mempunyai 7 ubat penyembuh, antaranya radang selaput rusuk, ditumbuk (sampai liat, kemudian minum)” untuk selesema dititiskan ke lubang hidung. (H.R. Al-Bukhari, Muslim, Abu Daud dan Ibnu Majah)

Kayu Gaharu ialah sejenis pokok yang berasal dari negeri-negeri India, baunya harum dan pahit rasanya, tetapi ia mempunyai banyak faedah.

Gaharu digunakan dalam menguatkan minda. Ia juga boleh digunakan dalam menyembuh penyakit demam berselang-selang juga digunakan untuk menguatkan limpa dan mengurangkan maidah (kisaran perut).

Bila ditumbuk lumat, ia boleh dimasukkan ke lubang hidung, maka ia berguna untuk melegakan hidung yang tersumbat dan seterusnya ia akan membantu bahagian-bahagian yang berasingan yang terkumpul dalam lubang hidung. Debunya diadun dengan madu dan dilumuri pada muka, ia dipercayai boleh menghilangkan bintik-bintik jerawat.

## 24. Kepala Susu (Talbinah)

Kepala susu (At-Talbiinah) ialah sejenis minuman yang diperbuat daripada susu tepung gandum atau hampasnya (sesudah diayak) ia akan menjadi madu. Ia dinamakan demikian kerana ia menyerupai susu dari segi putih dan halusnyanya.

Oleh sebab ia merupakan satu makanan yang lembut, maka apabila ia diminum dalam keadaan suam, ia dapat membersihkan setiap geladak di kerongkong atau lendir daripada maidah (kisaran perut) dan dapat melegakannya. Sayyidah Aisyah r.a. menyebutkan dia mendengar Rasulullah bersabda:

Ertinya: “Sesungguhnya kepala susu itu dapat melegakan kepala maidah (kisaran perut) dan ia dapat menghilangkan sebahagian kedukaannya”

#### 25. Barli - Syair (Talbinah)

Talbinah juga boleh ditafsirkan sebagai barli (Syair). Khasiat barli dipercayai dapat menyejukkan badan, baik untuk melawaskan kencing dan meningkatkan kesihatan buah pinggang.

Selain itu, barli juga dikesan boleh membantu merendahkan kolesterol, meredakan sembelit dan mencegah penyakit kanser.

Bijirin Barli kaya dengan khasiat pemakanan seperti fiber, vitamin dan mineral penting (Vitamin B3), thiamine (Vitamin B1), selenium, iron, magnesium, zinc, phosphorus, copper dan niacin) serta sedikit lemak dan tidak mengandungi kolesterol seperti lain-lain bijirin. Ianya dapat mengurangkan risiko kencing manis, menyejukkan badan, memelihara buah pinggang, melawaskan kencing dan membantu untuk sistem penghadaman.

#### 26. “Roti (khubz)

Roti yang paling bagus ialah diperbuat daripada gandum yang baik dimasak dalam pembakar roti yang bulat. Roti itu dibiarkan sejuk sebelum makan, jika tidak kita akan merasa haus bila memakannya. Roti yang sudah lama dan tidak elok akan menyebukan perut. Roti yang terdapat sekam gandum mudah dicernakan. Nabi s.a.w. pernah bersabda “Jangan potong roti dengan pisau. Hormatilah roti itu dengan memotong dengan tanganmu kerana Allah menghormati roti itu”.

#### 27. Jintan Manis (anisun)

Jintan manis banyak khasiatnya ianya melegakan kesakitan dalam badan, melancarkan aliran keluar haid, membanyakkan susu dan membuang gas dalam usus. Ianya juga boleh digunakan dalam bentuk serbuk dan disapu sekeliling mata bagi menguatkan pandangan mata.

#### 28. Epal (tuffah)

Epal yang masam lebih sejuk daripada yang manis. Ianya juga boleh menguatkan organ hati.

#### 29. Asparagus (hiyawn)

Asparagus berkhasiat bagi membuka sekatan pada buah pinggang dan memudahkan kelahiran anak.

30. Pisang (mawz)

Pisang boleh menyejukkan badan dan ianya boleh dimakan dengan madu lebah.

31. Selasih (manis rayhan)

Selasih berkhasiat untuk menguatkan organ hati, memudahkan tidur dengan cara menyapu kepala dengan basil yang dicampurkan air.

32. Mentega (zubdah)

Mentega khasiatnya memanaskan dan melembapkan. Baik untuk menghilangkan sembelit. Mentega yang dicampurkan dengan kurma dan madu sejenis makanan yang menghilangkan rasa mengidam pada perempuan hamil.

33. Bunga kubis (qunnabit)

Sayuran ini sukar dihadam dan bahaya untuk penglihatan.

34. Chamomile (babunaj)

Kegunaan chamomile ialah melancarkan aliran haid dan kencing. Ianya juga sangat berguna untuk memanaskan badan.

35. Lobak merah

Kegunaannya memanaskan badan. Ianya juga melancarkan aliran haid dan air kencing. Juga untuk rabun

36. Biji kopi (qahwah)

Sebagai ubat penyakit buang air besar berdarah, menghilangkan dahaga dan dikatakan menimbulkan kebijaksanaan.

37. Biji hitam (habb al sauda)

Dilaporkan bahawa Nabi s.a.w. pernah bersabda “Jadilah seperti biji habb al sauda kerana biji ini ubat semua penyakit kecuali kanser dan mati”. Adalah dilaporkan juga bahawa Allah Taala menunjukkan bahawa “ia” itu ialah habb al sauda menghapuskan angin dalam usus dan demam. Baik untuk merawat ‘leukoderma’ dan membuka saluran urat yang halus. Berguna untuk menghilangkan penyakit selesema.

38. Ayam (dajaj)

Memudahkan penghadaman. membetulkan imbalan badan, baik untuk otak dan badan, serta mencantikkan rupa paras. Walaubagaimanapun jika dimakan terlalu banyak boleh menyebabkan penyakit sendi dan yang terbaik ialah daging ayam betina yang tidak bertelur.

39. Kulit kayu manis (darchini)

Kulit kayu manis juga merupakan pemanas badan. Minyaknya sebagai penawar untuk menghapuskan rasa tidak hadam. Ia merupakan campuran (rempah ratus) yang digunakan dalam resepi masakan hampir tiga suku penduduk dunia.

40. Timun (qitta')

Yang masak menghilangkan panas dan menggalakkan pembuangan air kecil. Makan kurma dengan timun muda menambahkan berat badan.

41. Jintan putih (kammun)

Jintan putih khasiatnya untuk memanaskan badan. Jintan putih yang direndam di dalam air dan diminum adalah baik untuk mengubat perut yang memulas.

42. Terung (badhijan)

Terung hitam menyebabkan keluarnya hempedu. Kecenderungan benda ini mengeluarkan hempedu dapat dibetulkan dengan memakannya bersama daging.

43. Telur (baydah)

Khasiat telur yang paling baik boleh kita dapati daripada telur ayam (setengah masak atau masak) bukan direbus keras. Putih telur melegakan apabila kita melecur atau kulit terbakar dan menghilangkan parut pada kulit.

44. "Endive" (hindiba)

Khasiat hindiba berubah mengikut musim. Hindiba' pada awal musim adalah yang paling baik dan yang dipenghujungnya sudah tidak berkhasiat lagi. Hadith menyatakan "makanlah hindiba dan janganlah bersendawa kerana sesungguhnya tidak ada satu hari pun titisan air syurga tidak jatuh ke atas hindiba".

45. Fenugreek (Hulbah)

Nabi s.a.w. pernah bersabda "jika umatku tahu apa yang ada pada hulbah, mereka pasti membeli dan membayarnya dengan emas". Antara khasiat hulbah membantu pengaliran haid dan berguna untuk menyembuhkan sakit perut(memulas).

46. Buah Ara fig (fin)

Fin kering adalah yang terbaik. Di antara khasiatnya ialah untuk memanaskan badan dan rasanya enak. Nabi s.a.w. pernah bersabda, “Jika anda kata ada buah datang dari syurga maka itulah fin kerana sebenarnya inilah buah syurga”. Oleh itu makanlah buah fin kerana khasiatnya menyembuhkan penyakit buasir dan pirai .

#### 47. Ikan (samak)

Khasiat ikan air tawar lebih baik terutama yang makan tumbuh tumbuhan, bukan yang makan lumpur dan benda-benda seni dalam air. Ikan yang tidak dimasak sukar dihadam dan mengeluarkan ketidak seimbangan badan

#### 48. Bawang putih (thum)

Bawang putih juga elok untuk memanaskan badan. Khasiatnya membuang gas dan menggalakkan pengeluaran air mani. Baik untuk pembawakan sejuk, untuk mencairkan balgham. Minyaknya digunakan untuk merawat gigitan serangga dan Nabi s.a.w pernah bersabda “Sesiapa yang memakan pohon ini maka janganlah dia mendekati kami dan janganlah sembahyang bersama-sama kami.”

Huraian bawang putih di sini <http://klinik-muallij.blogspot.com/2010/08/bawang-putih-dalam-perubatan.html>

#### 49. Minyak sapi (samn)

Minyak sapi mengandungi banyak lemak. Ia dianggap sebagai penawar racun. Campurkan dengan manisan lalu dimakan dan ianya dipercayai ubat pada makanan.

#### 50. Halia (zanjabil)

Halia disebut dalam ayat alQuran (ayat 17, Surah Al Insan) firman Allah Taala yang bermaksud “Dan mereka dalam Syurga itu,diberi dari sejenis minuman yang campurannya dari zanjabil”. Khasiatnya membantu penghadaman dan memanaskan badan.

#### 51. Inai (hinna)

Terdapat banyak khasiat pada inai. Antaranya menghilangkan bekas calar-calar atau lebam pada badan, menghilangkan sakit kepala, sakit dalam kaki, sakit kuku dan mengelokkan rambut. Inai bersifat sangat panas dan menerbitkan perasaan cinta. Wangian yang terbaik ialah yang diperbuat dari bunga inai. Memakai inai pada kuku, tangan dan kaki menjadi kebiasaan masyarakat di Timur terutama bagi pengantin baru.

#### 52. Kekacang (a'das)

Semua kekacang mengeluarkan kekeringan. Jenis-jenis kekacang hendaklah dimakan sedikit kerana kalau dimakan dengan banyak ianya tidak baik untuk perut. Ada hadith mengatakan

bahawa sesiapa memakan kekacang akan menerbitkan hati yang simpati, mata berair dan menghapuskan kesombongan.

#### 53. Salad (khas)

Meskipun ianya sejuk, ia dianggap sayuran yang baik untuk dimakan. Ia melembutkan tubuh yang keras dan membantu menyembuhkan penyakit gangguan mental. Salad melemahkan tenaga batin dan terlalu banyak memakannya juga melemahkan penglihatan.

#### 54. Daging (lahm)

Daging mengandungi banyak khasiat. Dikatakan bahawa orang yang memakan daging selama 40 hari berturut turut tidak akan mendatangkan kebaikan. Dan orang yang tidak memakan daging selama 40 hari berturut-turut juga tidak akan mendatangkan kebaikan. Dengan kata lain makanlah daging secara sederhana . Daging yang paling baik ialah daging kambing. Ianya bersifat panas dan lembab. Daging kambing yang paling baik ialah daging kambing jantan yang berumur satu hingga dua tahun. Adapun daging babi haram dimakan. Terdapat pertelingkahan pendapat mengenai daging kuda sebagai makanan biasa. Ibnu Sina berpendapat bahawa daging unta, kuda, keldai adalah tidak baik dimakan sebagai makanan biasa. Syariat juga melarang memakan daging binatang pemangsa. Dilarang memakan daging binatang pemangsa yang kukunya mencengkam dan menyangkuk.

#### 55. Laban (susu masam/yogurt)

Allah SWT berfirman dalam Al-Quran tentang kebaikan Laban dalam dua surah iaitu surah Al-Nahl ayat 66 dan Surah Muhammad ayat 15 . Dalam Surah Al-Nahl ayat 66 :

Maksudnya: " Sesungguhnya pada binatang-binatang ternakan itu, kamu beroleh pelajaran yang mendatangkan ikhtibar, kami beri minuman kepada kamu daripada apa yang terbit dari dalam perut, yang lahir di antara hampas makanan dengan darah iaitu susu yang bersih , mudah diminum lagi sedap rasanya ."

Susu kambing lebih afdal kerana khasiatnya yang sangat banyak seperti mana yang disebut dalam kitab-kitab perubatan Islam dan Modern.

dan banyak lagi..

Wallahu alam bissawab.

Rujukan kitab Thibbun Nabawi (Ibnu Qayyim al-Jauziah), terjemahan oleh Muallij Mustaqim.